



BAB EMPAT

BAB EMPAT

4. METODOLOGI IBN AL-JAWZĪ DALAM *NĀSIKH* DAN *MANSŪKH*.

4.1. Mengemukakan Ayat *Mansūkh*

Ibn al-Jawzī menggunakan metod yang kosisten dalam mengemukakan ayat-ayat al-Qur'ān yang didakwa *mansūkh*. Persoalan *naskh* yang dianggap sebagai perkara *tawfiqiyah* iaitu sesuatu yang telah ditetapkan oleh agama, memerlukan suatu metod yang khusus untuk diperhalusi. Di sinilah keistimewaan Ibn al-Jawzī terserlah apabila beliau mengemukakan ayat-ayat tersebut mengikut metod yang betul dan sumber yang berautoriti. Di bawah ini akan dikemukakan metod-metod yang digunakan oleh beliau untuk mengemukakan ayat-ayat tersebut:

4.1.1. Pendapat Sahabat dan *Ṭābi'īn* berdasarkan Riwayat.

Para Sahabat diakui sebagai orang yang paling faham tentang al-Qur'ān kerana ia diturunkan kepada Nabi Muhammad dan mereka pula menyaksikan peristiwa-peristiwa yang mempunyai kaitan dengan sesuatu ayat. Tambahan pula mereka mendapat didikan secara langsung daripada Rasulullah. Ini dapat dilihat daripada kata-kata Ibn Taymiyah di bawah:

Jika tidak didapati ayat al-Qur'ān dan al-Sunnah yang menafsirkan sesuatu ayat al-Qur'ān maka kita perlu merujuk kepada pendapat Sahabat. Ini kerana mereka adalah orang yang paling mengetahui tentang al-Qur'ān disebabkan mereka menyaksikan peristiwa yang berkaitan dan mengetahui keadaan yang khusus mengenainya. Hasilnya, mereka mempunyai kefahaman yang sempurna, ilmu yang tepat dan amal yang baik. Jika tidak terdapat ayat al-Qur'ān dan al-Sunnah yang menafsirkan al-Qur'ān serta tidak ada pendapat Sahabat maka kebanyakan ulama' akan merujuk kepada pendapat Tābi'īn.²¹¹

Pendapat Sahabat dan Tābi'īn ini mempunyai kepentingan yang tersendiri terutama berkaitan dengan perkara *tawqīfīyah* yang telah ditetapkan oleh syarak berdasarkan dalil. Perkara ini adalah meliputi aspek *Ashāb al-Nuzul* dan *al-Nāsikh wa al-Mansūkh* dan akal tidak mempunyai bidang yang luas untuk membicarakannya.²¹²

Di sinilah Ibn al-Jawzī menggunakan metod mengemukakan ayat-ayat yang *mansūkh* menurut pendapat Sahabat dan Tābi'īn berdasar riwayat yang sahih dan boleh dipercayai menurut kaedah Pengajian *Isnad*. Antara metod tersebut ialah:

4.1.1.1 Sanad yang *Musnad*.

Dalam Pengajian *Isnād*, *sanad* yang *musnad* didefinasikan sebagai *sanad-sanad* yang bersambung daripada periwayatnya sehinggalah ke akhirnya. Bagi riwayat

²¹¹ Lihat Ibn Taymiyah (1998), *op. cit.* j. 13, m. 195-198.

²¹² Abd Allah Syahātah (2001), *op. cit.* m. 23.

yang *munqat'*²¹³, ia juga diistilahkan sebagai *musnad*.²¹⁴ Pengertian tersebut memberi satu gambaran bahawa apabila satu-satu sanad itu bersambung sehingga kepada orang terakhir yang menyebut perkara tersebut maka ia dianggap sebagai sanad yang *musnad*.

Terdapat dua metod yang digunakan oleh Ibn al-Jawzī dalam mengemukakan riwayat daripada Sahabat dan *Tābi'm*. Perkara ini meliputi:

4.1.1.1.1. Riwayat Guru-gurunya.

Ibn al-Jawzī mempunyai begitu ramai guru yang berkebolehan dalam bidang tafsir dan hadis. Dalam Pengajian Hadis, perkara berkaitan dengan *isnad* merupakan di antara perkara yang diberi perhatian yang khusus terutama untuk menetapkan sesuatu hukum. Di sinilah Ibn al-Jawzī membawa pendekatan berkaitan dengan *isnad* sebagai satu metod beliau dalam mengemukakan ayat-ayat yang *mansūkh*.

Beliau telah mengemukakan riwayat tersebut yang diterima daripada guru-gurunya yang bersambung sehingga sampai kepada Sahabat atau pun *Tābi'm*. Ini merupakan cara yang paling dominan sekali digunakan oleh beliau.

²¹³ Terdapat beberapa pengertian bagi istilah *al-munqat'* antaranya ialah sesuatu *sanad* hadis yang gugur seorang daripada periwayatnya atau pun terdapat periwayat yang diragui. Pengertian lain ialah *sanad* sesuatu hadis itu tidak bersambung dan ini menyerupai hadis al-Mursal. Al-Tibriri pula menyebut bahawa *al-munqat'* ialah sesuatu hadis yang gugur seorang periwayatnya yang awal sebelum Sahabat dan hanya berlaku pada satu tempat sahaja. Lihat Ahmad 'Umar Hasyim (1984), *op. cit.* m. 100.

²¹⁴ Ibn al-Ṣalāḥ (1995), *op. cit.* m. 40.

Di bawah ini akan dikemukakan contoh riwayat-riwayat tersebut yang paling kerap diutarakan dalam persoalan ini..

4.1.1.1.1. (a) Ismā'īl bin Aḥmad al-Samarqandī

Akhbaranā Ismā'īl bin Aḥmad al-Samarqandī,²¹⁵ *qāl: akhbaranā* Abū al-Faḍl 'Umar bin 'Ubayd Allāh al-Baqqāl,²¹⁶ *qāl: akhbaranā* Abū al-Ḥusayn 'Alī bin Muḥammad bin Busrān *qāl: akhbaranā* Abū al-Ḥusayn Ishāq bin Aḥmad al-Kādhī,²¹⁷ *qāl: akhbaranā* 'Abd Allāh bin Ḥanbal,²¹⁸ *qāl: ḥaddathani* Abī, *qāl: ḥaddathani* Ḥajjāj bin Muḥammad,²¹⁹ *qāl: akhbaranā* Ibn Jurayj,²²⁰ *an* al- 'Aṭā' al-Kharāsānī,²²¹ *an* Ibn Abbās²²².

²¹⁵ Beliau ialah Abū al-Qāsim Ismā'īl bin Aḥmad bin 'Umar bin Abī Bakr al-Samarqandī al-Dimasyqī al-Baghdādī. Beliau mempunyai pengetahuan yang luas kesan daripada pendidikan yang diterima daripada guru beliau yang ramai. Riwayat yang diterima daripada beliau adalah sahih. Beliau mengajar di Baghdad dan meninggal dunia di sana pada tahun 536 H ketika berumur 80 an tahun. Lihat Ibn Kathīr (2001), *op. cit.* j.12, m. 239.

²¹⁶ Beliau ialah 'Umar bin Ibrāhīm bin Muḥammad bin Aḥmad bin 'Alī yang berasal dari Kufah dan telah berhijrah ke Baghdad. Beliau menghabiskan kebanyakan masanya dengan belajar dan mengajar serta menguasai ilmu fiqh, hadis dan tafsir. Beliau lahir pada tahun 442 H dan meninggal dunia pada tahun 539 H. *Ibid.* j.12, m. 241.

²¹⁷ Beliau ialah Abū al-Ḥusayn Ishāq bin Aḥmad bin Ibrāhīm al-Kadhī. Dalam pencarian ilmu, beliau telah mengembara ke Baghdad dan menetap di sana. Beliau diiktiraf sebagai seorang yang *thiqah* dan mengamalkan cara hidup yang zuhud. Beliau meninggal dunia pada tahun 346 H. Lihat Abū Bakr Aḥmad bin 'Alī al-Khatīb al-Baghdādī (t.t.), *Tārīkh Baghdād*, Beirut: Dār al-Kitāb al-'Arabī, j.6, m. 399-400.

²¹⁸ Beliau ialah Abū 'Abd al-Rahmān 'Abd Allāh bin Aḥmad bin Ḥanbal. Beliau adalah seorang yang *thiqah*, *hafīẓ* dan banyak meriwayatkan hadis, tafsir dan *naṣikh* dan *mansūkh* daripada bapanya. Beliau meninggal dunia pada tahun 291 H ketika berusia 77 tahun. Ibn Kathīr (2001), *op. cit.* j.12, m. 241.

²¹⁹ Beliau ialah Abū Muḥammad Ḥajjāj bin Muḥammad al-Miṣṣīṣī al-A'awar. Beliau telah berhijrah ke Baghdad dan menetap di al-Miṣṣisah. Beliau banyak meriwayatkan daripada Ibn Jurayj dan Sy'ubah. Di antara ulama' hadis yang meriwayatkan daripada beliau ialah Yahyā bin Ma'in. Beliau meninggal dunia pada tahun 206 H. Lihat al-Dāwudī (1972), *op. cit.* j. 1. m. 127-18.

²²⁰ Beliau ialah Abū Khalīd 'Abd al-Malk bin 'Abd al-'Azīz Jurayj. Keilmuan beliau dalam bidang tafsir memang diakui ramai sehingga beliau digelar *al-Imām*. Beliau banyak meriwayatkan tafsir daripada Mujāhid, 'Aṭā' dan Nafi'. Beliau lahir pada tahun 70 H dan meninggal dunia pada tahun 150 H. Lihat al-Dhahabī (1956), *op. cit.* j.1, m. 169.

²²¹ Beliau adalah Abū Uthmān 'Aṭā' bin Abī Muslim al-Khurasānī. Beliau diiktiraf sebagai *sadīq* namun banyak tuduhan dilemparkan ke atas beliau. Riwayat beliau banyak yang bertaraf *mursal* dan *tadlīs*. Beliau meninggal dunia pada tahun 155 H. Lihat al-Dawudī (1972), *op. cit.* j.1. m.379-380.

Ibn al-Jawzī mengemukakan riwayat daripada gurunya ini sebanyak 58 kali. Di bawah ini akan dikemukakan beberapa contoh riwayat tersebut:

1) Ibn al-Jawzī mengemukakan riwayat gurunya ini yang menyebut bahawa Ibn Abbās berkata bahawa ayat al-Qurʾān yang pertama sekali *mansūkh* adalah ayat 115 surah al-Baqarah yang mengubah arah kiblat orang-orang Islam. Pada peringkat awalnya, Rasulullah menghadap ke arah Baitul Maqdis dan kemudiannya mengubah arah tersebut dengan perintah yang terdapat dalam ayat 144 surah al-Baqarah.²²³

2) Riwayat gurunya yang menyebut bahawa menurut Mujāhid, ayat 284 surah al-Baqarah yang berkaitan dengan penjelasan Allah tentang pembalasan ke atas semua perbuatan yang zahir atau pun tersembunyi adalah *mansūkh*. *Nāsikhmya* adalah ketetapan Allah yang hanya membebani manusia dengan tanggung jawab sekadar kemampuan mereka seperti mana yang di sebut dalam ayat 286 surah yang sama.²²⁴

3) Ibn al-Jawzī juga mengemukakan riwayat Ibn Abbās yang menyebut bahawa ayat 8 surah al-Nisāʾ yang menjelaskan tentang harta pusaka yang boleh diwarisi oleh kawan karib, anak-anak yatim dan orang-orang miskin. Ayat tersebut adalah *mansūkh* dengan hukum yang terdapat dalam ayat-ayat pusaka

²²² Beliau ialah ʿAbd Allāh bin ʿAbbās bin ʿAbd al-Mutallib. Beliau lahir tiga tahun sebelum Hijrah Rasulullah ke Madinah. Keilmuan dan kefahaman beliau dalam ilmu tafsir memang diakui oleh semua ulamaʾ Islam sehinggakan beliau digelar sebagai *al-Baḥr* dan *Ḥabir al-Ummah*. Beliau meninggal dunia pada tahun 68 H ketika berusia 71 tahun. Lihat ʿAlī bin Muḥammad Ibn ʿAthīr (1970), *Usd al-Ghabah fī Maʿarif al-Saḥābah, taḥqīq*. Muḥammad Ibrahim al-Banā, *et. al.*, Kaherah: Dār al-Syʿab, j.3, m. 110-112.

²²³ Ibn al-Jawzī (t.t.), *op. cit.* m. 50.

²²⁴ Ibn al-Jawzī (t.t.), *op. cit.* m. 100.

yang menetapkan bahwa setiap orang mempunyai bagian mereka yang tersendiri samada sedikit atau pun banyak.²²⁵

4) Ibn al-Jawzī juga mengemukakan riwayat gurunya daripada Ibn Abbās yang menyebut bahawa perintah agar tidak menolak pengadilan yang diminta oleh Ahli Kitab kepada Rasulullah seperti di dalam ayat 42 surah al-Māi'dah adalah *mansūkh* dengan perintah agar berhukum dengan wahyu Allah seperti dalam ayat 48 surah al-Māi'dah.²²⁶

5) Riwayat gurunya daripada Ibn Abbās sekali lagi disebut oleh Ibn al-Jawzī bahawa ayat 39 surah al-Tawbah yang memerintah agar semua orang Islam keluar untuk berperang adalah *mansūkh* dengan kelonggaran yang terdapat di dalam ayat 122 surah al-Tawbah.²²⁷

Riwayat yang diterima oleh Ibn al-Jawzī daripada gurunya ini disebut begitu kerap untuk mengemukakan pendapat Ibn 'Abbās bahawa satu-satu ayat al-Qur'ān itu adalah *mansūkh*.

²²⁵ Ibn al-Jawzī (t.t.), *op. cit.* m. 116.

²²⁶ Ibn al-Jawzī (t.t.), *op. cit.* m. 147.

²²⁷ Ibn al-Jawzī (t.t.), *op. cit.* m. 176.

4.1.1.1.1.2. (b) Al-Mubārak bin ‘Alī

Akhbaranā al-Mubārak bin ‘Alī,²²⁸ *qāl*: Aḥmad bin al-Ḥusayn, *qāl*: *akhbaranā* Ibrāhīm bin Ibn ‘Umar al-Barmakī,²²⁹ *qāl*: *ḥaddathanā* Muḥammad bin Ismā‘īl bin al-‘Abbās,²³⁰ *qāl*: *akhbaranā* Abū Bakr bin Abī Dāwud al-Sijistānī,²³¹ *qāl*: *akhbaranā* Ya‘aqūb bin Sufyān,²³² *qāl*: *akhbaranā* Abū Šālih,²³³ *qāl*: *akhbaranā* Mu‘āwiyah bin Šālih,²³⁴ ‘an ‘Alī bin Abī Ṭalḥah,²³⁵ ‘an Ibn ‘Abbās:

²²⁸ Beliau ialah al-Mubārak bin ‘Alī bin al-Ḥusayn bin ‘Abd Allāh bin Muḥammad. Beliau berasal dari Mekah dan telah berhijrah ke Baghdad untuk menuntut ilmu. Beliau disebut sebagai seorang yang *thiqah* dan seorang *ḥafīz* di Mekah pada zaman tersebut dan di antara tokoh ulama’ mazhab Hanbali di sana. Beliau meninggal dunia pada tahun 570 H di Mekah. Lihat Ibn Rajab (1952), *op. cit.* j. 1, m. 346 H.

²²⁹ Beliau ialah Ibrahim bin ‘Umar bin Aḥmad bin Ibrāhīm al-Barmakī. Beliau telah menetap di Baghdad dan merupakan di antara ulama’ fiqh mazhab Hambali yang terkenal di sana. Beliau lahir pada tahun 361 H dan meninggal dunia pada tahun 445 H. Lihat al-Baghdādī (t.t.), *op. cit.* j. 6, m. 139.

²³⁰ Beliau ialah Muḥammad bin Ismā‘īl bin al-‘Abbās bin Muḥammad. Beliau diiktiraf sebagai seorang yang mempunyai pengetahuan yang baik, *ḥafīz* dan *thiqah*. Beliau lahir pada tahun 293 H dan meninggal dunia pada tahun 378 H di Baghdad. *Ibid.* j. 2, m. 55.

²³¹ Beliau ialah Abū Bakr ‘Abd Allāh bin Abī Dawud bin al-Asy‘ath al-Sijistānī. Beliau lahir di Sajistan pada tahun 230 H dan mula belajar hadis dengan bersungguh-sungguh ketika berusia 10 tahun. Antara tokoh hadis yang meriwayatkan hadis daripada beliau ialah al-Dārquṭnī dan al-Ḥakīm. Beliau meninggal dunia pada tahun 316 H ketika berumur 87 tahun. Lihat al-Dhahabī (1956), *op. cit.* j. 2, m. 773.

²³² Beliau ialah Abū Yūsuf Ya‘aqūb bin Sufyān al-Fārisī. Beliau banyak menghabiskan masanya dengan mempelajari hadis dan diakui sebagai seorang *muḥaddith*. Antara ulama’ hadis yang meriwayatkan hadis daripada beliau ialah al-Nasāī dan Ibn al-‘Asākir. Beliau meninggal dunia pada tahun 277 H. Lihat Ibn Kathīr (2001), *op. cit.* j. 11, m. 65-66.

²³³ Beliau ialah ‘Abd Allāh bin Šālih bin Muslim al-‘Ajlī al-Kūfī yang merupakan seorang yang mempunyai pengetahuan yang meluas dalam bidang ilmu *qiraat* dan hadis. Menurut Yahyā bin Ma‘īn, beliau adalah seorang yang *thiqah*. Beliau meninggal dunia pada tahun 211 H atau mungkin 221 H. Lihat al-Dhahabī (1956), *op. cit.* j. 1, m. 390.

²³⁴ Beliau ialah Abū ‘Amr Mu‘āwiyah bin Šālih dan merupakan seorang *Qāḍī* di Andalus. Beliau banyak meriwayatkan tafsir dari Makhūl, Ziyād bin Abī Sawdah dan sejumlah ulama’ yang lain. Menurut Aḥmad bin Ḥanbal, beliau adalah *thiqah*. Beliau meninggal dunia pada tahun 150 H selepas menunaikan haji. Lihat *Ibid.* j. 1, m. 176.

²³⁵ Beliau ialah ‘Alī bin Abī Ṭalḥah. Nama bapa beliau ialah Salīm bin Mukhārīq. Beliau menerima tafsir daripada Mujāhid daripada Ibn ‘Abbās tetapi beliau tidak menyebut nama Mujāhid tetapi terus melakukan *mursal* kepada Ibn ‘Abbās. Menurut al-Dhahabī, Mu‘āwiyah bin Šālih meriwayatkan begitu banyak tafsir daripada ‘Alī bin Abī Ṭalḥah daripada Ibn ‘Abbās. Beliau meninggal dunia pada tahun 143 H. Lihat al-Dhahabī (t.t.), *Mẓān I’tidāl fī Naqd al-Rijāl*, taḥqīq: ‘Alī Muḥammad al-Bajāwī, Beirut: Dār al-Fikr, j. 3, m. 134.

Ibn al-Jawzī menyebut sanad daripada guru beliau ini sebanyak 43 kali. Di bawah ini akan dikemukakan beberapa contoh seperti berikut:

1) Ibn al-Jawzī mengemukakan riwayat daripada gurunya bahawa Ibn ‘Abbās menyatakan bahawa ayat 62 surah al-Baqarah yang menerangkan tentang balasan pahala kepada sesiapa yang melakukan amalan yang baik meliputi orang-orang yang beriman, Yahudi, Nasrani dan al-Sabi’in adalah *mansūkh* dengan ketetapan Allah dalam ayat 85 surah Āl ‘Imrān.²³⁶

2) Ibn al-Jawzī mengemukakan pendapat Ibn al-Abbās bahawa ayat 43 surah al-Nisā’ yang melarang orang Islam meminum arak ketika hendak menunaikan solat adalah *mansūkh*. Ayat tersebut dimansuhkan dengan penjelasan Allah bahawa arak merupakan salah satu perbuatan yang keji dan amalan syaitan. Oleh itu orang Islam diperintahkan agar menjauhinya sebagai mana ayat 91 surah al-Mā’idah.²³⁷

3) Riwayat Ibn ‘Abbās daripada gurunya juga dikemukakan oleh Ibn al-Jawzī yang menyatakan bahawa ayat 94 surah al-Hijr yang memerintahkan agar berpaling dari kaum Musyrikin adalah *mansūkh* dengan perintah Allah agar memerangi orang Musyrikin dalam ayat 5 surah al-Tawbah.²³⁸

4) Menurut Ibn al-‘Abbās, ayat 14 surah al-Jāthiyah yang menyuruh orang Islam agar memohon keampunan untuk mereka yang tidak beriman dengan Allah dan hari akhirat adalah *mansūkh*. Perintah tersebut adalah *mansūkh*

²³⁶ Ibn al-Jawzī (t.t.), *op. cit.* m. 42.

²³⁷ Ibn al-Jawzī (t.t.), *op. cit.* m. 130.

²³⁸ Ibn al-Jawzī (t.t.), *op. cit.* m. 185

dengan arahan Allah agar diperangi orang-orang Musyrikin dan orang yang tidak beriman dengan hari akhirat di mana sahaja mereka berada. *Nāsikhnya* adalah ayat 5 dan 29 surah al-Tawbah.²³⁹

5) Riwayat Ibn ‘Abbās menyatakan bahawa ayat 39 surah al-Najm yang menjelaskan tentang tiada manfaat bagi seseorang yang telah meninggal dunia melain sesuatu yang telah diusahakannya semasa hidup di dunia juga disebut oleh Ibn al-Jawzī. Ibn ‘Abbās menerangkan bahawa ayat tersebut adalah *mansūkh* dengan penjelas Allah dalam ayat 21 surah al-Tūr yang menjelaskan bahawa Allah memasukkan anak-anak ke dalam syurga kerana kebaikan yang dilakukan oleh ibubapa mereka.²⁴⁰

Ibn al-Jawzī mengemukakan riwayat daripada gurunya itu untuk menjelaskan pendapat bahawa sesuatu ayat al-Qur’ān itu adalah *mansūkh*. Riwayat daripada Mu‘āwiyah bin Sālih, ‘an ‘Alī bin Abī Ṭalhah, ‘an Ibn ‘Abbās adalah riwayat yang paling murni dan sahih tentang riwayat Ibn ‘Abbās. Riwayat ini merupakan pegangan kebanyakan ulama’ tafsir dan hadis seperti al-Bukhārī di dalam *Kitāb al-Ṣaḥīḥ*nya, al-Ṭabarī, Ibn Abī Ḥātim dan Ibn al-Mundhir.²⁴¹ Jelaslah di sini bahawa sumber Ibn al-Jawzī dalam mengemukakan pendapat tentang ayat-ayat yang *mansūkh* adalah berdasarkan riwayat yang sahih.

²³⁹ Ibn al-Jawzī (t.t.), *op. cit.* m. 224.

²⁴⁰ Ibn al-Jawzī (t.t.), *op. cit.* m. 233.

²⁴¹ Rāsyid ‘Abd al-Mun‘im al-Raḥḥāl (1994), *Ṣaḥīḥ ‘Alī bin Abī Ṭalhah ‘an Ibn al-‘Abbās fī Tafsīr al-Qur’ān al-Karīm*, c.2, Beirut: Dār al-Jil, m. 44.

4.1.1.1.1. (c) Muḥammad bin Nāṣir

Akhbaranā Muḥammad bin Nāṣir,²⁴² *qāl: akhbaranā* ‘Alī bin al-Ḥusayn bin Ayyūb,²⁴³ *qāl: akhbaranā* Abū ‘Alī al-Ḥasan bin Aḥmad bin Syadhān,²⁴⁴ *qāl: akhbaranā* Abū Bakr Aḥmad bin Sulaymān al-Najjād,²⁴⁵ *qāl: akhbaranā* Abū Dāwud al-Sijistānī,²⁴⁶ *qāl: akhbaranā* Aḥmad bin Muḥammad bin Thābit, *qāl: ḥaddathani* ‘Alī bin al-Ḥusayn,²⁴⁷ ‘an Abih,²⁴⁸ ‘an Yazīd al-Nahwī,²⁴⁹ ‘an ‘Ikramah,²⁵⁰ ‘an Ibn ‘Abbās:

²⁴² Muḥammad bin Nāṣir bin Muḥammad bin ‘Alī bin ‘Umar al-Sullamī. Beliau berasal dari Parsi dan kemudiannya berhijrah ke Baghdad. Pada peringkat awalnya beliau berminat dengan sastera tetapi telah mengubah minatnya kepada pengajian hadis dan diiktiraf sebagai seorang *muḥaddith* di Baghdad. Menurut Ibn al-Jawzī, beliau seorang *ḥafīẓ ḍāḥit, thiqaḥ*, tiada kecacatan, banyak hafalan dan daripadanya beliau mengambil ilmu hadis. Beliau lahir pada tahun 467 H dan meninggal dunia pada tahun 550 H di Baghdad. Lihat Ibn Rajab (1952), *op. cit.* j. 1, m. 225-228.

²⁴³ Beliau ialah Abū al-Ḥasan al-‘Akbarī ‘Alī bin al-Ḥusayn bin Aḥmad bin Ibrāhīm bin Jadā. Beliau merupakan seorang yang *thiqaḥ*, faqih dan amat iltizam dengan mazhab Aḥmad bin Ḥanbal. Beliau banyak meriwayatkan daripada Abū ‘Alī bin Syadhān dan al-Burqānī. Beliau meninggal dunia pada tahun 468 H. *Ibid.* m. 225-228.

²⁴⁴ Beliau ialah Abū ‘Alī al-Bazzāz al-Ḥasan bin Ibrāhīm bin Aḥmad bin al-Ḥasan bin Muḥammad bin Syadhān bin Ḥarb bin Mahrān. Beliau merupakan seorang yang *thiqaḥ* dan banyak meriwayatkan daripada Aḥmad bin Sulaymān al-‘Abādānī dan Aḥman bin Sulaymān al-Najjād. Beliau lahir pada tahun 339 H dan meninggal dunia pada 426 H. Lihat al-Baghdādī (t.t.), *op. cit.* j. 7, m. 277-280.

²⁴⁵ Beliau ialah Abū Bakr Aḥmad bin Sulaymān bin al-Ḥasan bin Isrā’īl bin Yūnus al-Najjād. Beliau merupakan seorang yang faqih dan salah seorang ulama yang ulung dalam mazhab Hambali. Beliau banyak meriwayatkan hadis dan tafsir daripada Abū Dāwud, ‘Abd Allāh bin Aḥmad dan Ibn Abī al-Dunyā. Beliau lahir ada tahun 253 H dan meninggal dunia pada 348 H. Lihat Ibn al-Kathīr (2001), *op. cit.* j. 11, m. 250.

²⁴⁶ Beliau ialah Sulaymān bin al-Asy’ath bin Ishāk bin Basyīr al-Sijistānī yang merupakan salah seorang ulama’ hadis yang ulung. Beliau telah mengembara ke beberapa negeri untuk mempelajari hadis, antaranya ialah Khurasan, Syam, Mesir dan Iraq. Beliau lahir pada tahun 202 H dan meninggal dunia di Basrah pada tahun 275 H. *Ibid.* m. 60-61.

²⁴⁷ Beliau ialah ‘Alī bin al-Ḥusayn bin Wāqid al-Maruzī dan diiktiraf sebagai seorang yang *ṣadīq*. Beliau banyak meriwayatkan daripada bapanya dan juga Abū Ḥamzah. Beliau meninggal dunia pada tahun 211 H. Lihat al-Dhahabī (t.t.) *op. cit.* j. 3, m. 123.

²⁴⁸ Beliau ialah al-Ḥusayn bin Wāqid al-Maruzī. Di antara ulama’ yang banyak meriwayatkan daripada beliau ialah Ibn al-Mubarak dan anaknya ‘Alī. Menurut Ibn Ma’in beliau adalah seorang yang *thiqaḥ*. Lihat al-Dhahabī (t.t.), *op. cit.* j. 1, m. 549.

²⁴⁹ Beliau ialah Yazīd bin Abī Sa’īd Abū al-Ḥasan al-Nahwī. Antara ulama’ yang meriwayatkan daripada beliau ialah al-Ḥusayn bin Wāqid dan Abū Ḥamzah. Lihat Muḥammad bin Ismā’īl al-Bukhārī (t.t.) al-Tārīkh al-Kabīr, Beirut: Dār al-Fikr, j. 4, m. 339.

²⁵⁰ Beliau ialah ‘Ikramah bin ‘Abd Allāh dan *mawla* kepada Ibn ‘Abbās. ‘Ikramah banyak meriwayatkan hadis daripada Ibn ‘Abbās, ‘Āisyah, Abū Hurairah dan ‘Alī bin Abī Tālib. Beliau seorang yang berilmu kesan dari usaha yang dilakukan selama 40 tahun untuk menuntut ilmu pengetahuan. Beliau seorang yang *thiqaḥ*, tiada tuduhan sebagai seorang pendusta dan pakar dalam ilmu tafsir. Beliau meninggal dunia pada tahun 104 H di Madinah. Lihat al-Dāwudī (1972), *op. cit.* j. 1, m. 380.

Ibn al-Jawzī menyebut riwayat daripada beliau sebanyak 30 kali, di antaranya ialah:

1) Berdasarkan riwayat yang sama, 'Ikramah menjelaskan bahawa ayat 33 surah al-Nisā' pada peringkat awalnya memberi kesempatan kepada orang-orang yang membuat perjanjian di antara satu sama lain untuk saling mewarisi harta mereka. Ayat ini kemudiannya dimansuhkan dengan penjelasan Allah dalam ayat 75 surah al-Anfāl yang hanya membenarkan warisan kepada orang yang mempunyai pertalian keturunan.²⁵¹

2) Ibn al-Jawzī menyebut riwayat Ibn 'Abbās yang berpendapat bahawa ayat 33 surah al-Anfāl adalah dimansuhkan oleh ayat yang datang kemudiannya dalam surah yang sama. Ayat yang pertama Allah menyebut bahawa Dia tidak menyeksa orang-orang kafir kerana Rasulullah berada bersama dengan mereka tetapi dalam ayat yang seterusnya Allah menetapkan bahawa dia akan menyeksa mereka semuanya.²⁵²

3) Pendapat Ibn 'Abbās yang diriwayatkan oleh gurunya disebut oleh Ibn al-Jawzī yang menyatakan bahawa ayat 61 surah al-Anfāl adalah *mansūkh* oleh ayat 9 surah al-Tawbah. Ayat surah al-Tawbah memerintahkan orang-orang Islam memerangi semua orang-orang yang tidak beriman dengan Allah.²⁵³

4) Ibn al-Jawzī juga menyebut pendapat Ibn 'Abbās bahawa ayat 12 surah al-Mujādalah yang memerintahkan para sahabat agar bersedekah apabila mahu

²⁵¹ Ibn al-Jawzī (t.t.), *op. cit.* m. 127.

²⁵² Ibn al-Jawzī (t.t.), *op. cit.* m. 166.

²⁵³ Ibn al-Jawzī (t.t.), *op. cit.* m. 167.

berbisik-bisik dengan Rasulullah adalah *mansūkh*. Ayat yang menjadi *nāsikhnya* ialah kelonggaran yang diberikan oleh Allah dalam ayat berikutnya.²⁵⁴

5) Berdasar riwayat ‘Alī bin Abī Talḥah daripada Ibn ‘Abbās menyebut bahawa ayat 22 surah al-Ghāsiyah adalah *mansūkh*. *Nāsikhnya* ialah dengan perintah Allah supaya diperangi orang-orang Musyrikin di mana sahaja mereka berada sebagaimana dalam ayat 5 surah al-Tawbah.²⁵⁵

Riwayat yang diterima oleh Ibn al-Jawzī daripada guru ini disebut dengan kerap oleh beliau sebagai satu kenyataan tentang pendapat Ibn Abbās bahawa sesuatu ayat al-Qur’ān itu adalah *mansūkh*.

Kebanyakan *sanad* yang disebut oleh Ibn al-Jawzī daripada guru-gurunya adalah bersambung sehingga sampai kepada Sahabat. Ini merupakan satu keistimewaan yang dapat dilihat dari metod yang diketengahkan oleh beliau. Periwat-periwat yang disebut di sini mempunyai autoriti yang diiktiraf oleh Ulama’ Tafsir dan Hadis sebagai seorang yang boleh dipercayai dalam periwatan mereka.

Terdapat juga *sanad* yang *munqat’i* dikemukakan oleh Ibn al-Jawzī semasa menyebut ayat-ayat yang *mansūkh* berdasar riwayat yang diterima oleh beliau. Sebagai contoh ada riwayat yang menyebut bahawa ‘Aṭā bin al-Sāib meriwayatkan tafsir daripada Ibn ‘Abbās. Ini kerana terdapat perantaraan di antara ‘Aṭā bin al-Sāib dengan Ibn ‘Abbās iaitu para Ṭābi’in seperti Sa’īd bin

²⁵⁴ Ibn al-Jawzī (t.t.), *op. cit.* m. 235-236.

²⁵⁵ Ibn al-Jawzī (t.t.), *op. cit.* m. 252.

Jubayr.²⁵⁶ Dalam *sanad* yang lain beliau ada menyebut riwayat tersebut seperti 'an 'Aṭā bin al-Sāib 'an Sa'īd bin Jubayr 'an Ibn 'Abbās.²⁵⁷

Berdasarkan riwayat-riwayat yang telah dikemukakan oleh Ibn al-Jawzī semasa mengemukakan ayat yang didakwa *mansūkh* dapat memberi satu gambaran bahawa riwayat tersebut mempunyai satu peranan yang cukup besar. Riwayat tersebut bertindak sebagai satu pendapat yang mendakwa bahawa satu-satu ayat itu adalah *mansūkh* menurut para Sahabat.

4.1.1.1.2. Riwayat Ahmad bin Hanbal.

Beliau ialah Abū 'Abd Allāh Ahmad bin Muḥammad bin Hilāl al-Syaybani al-Baghdadi. Beliau lahir pada tahun 164 H. di Baghdad dan meninggal dunia pada tahun 241 H.²⁵⁸ Imam Ahmad telah memilih untuk mempelajari hadis selepas melibatkan diri dalam pengajian Ilmu Fiqh. Beliau telah mengembara ke beberapa tempat seperti Basrah, Hijaz dan Kufah untuk menuntut Ilmu Hadis daripada tokoh-tokoh hadis di sana.²⁵⁹

Ahmad bin Hanbal memang diiktiraf dalam bidang hadis dan tafsir dan banyak meriwayatkan pendapat Sahabat terhadap tafsiran ayat-ayat al-Qur'ān. Di sini Ibn al-Jawzī telah menggunakan riwayat ini untuk mengemukakan dakwaan

²⁵⁶ Beliau ialah Abū 'Abd Allāh Sa'īd bin Jubayr bin Hisyām al-Asadi. Beliau adalah seorang yang warak, dan faqih serta banyak mempelajari al-Qur'ān daripada Ibn Abbās. Beliau mati dibunuh oleh al-Hajjāj pada tahun 175 H. Lihat al-Dāwudi (1972), *op. cit.* j.1, m. 181.

²⁵⁷ Ibn al-Jawzi (t.t.), *op. cit.* m. 99.

²⁵⁸ al-Dhahabi (1956), *op. cit.* j. 2, m. 431.

²⁵⁹ Muḥammad Abū Zuhrah (1997), *Ibn Hanbal Ḥayātuh wa 'Aṣrüh - Arā'uh wa Fiqhuh*, Kaherah: Dār al-Fikr al-'Arabī, m. 21.

naskh terhadap satu-satu ayat. Ibn al-Jawzī telah mengemukakan pendapat Sahabat dan *Tābi'in* yang diriwayatkan oleh Ahmad bin Hanbal sebanyak 24 kali dalam buku tersebut.

Di bawah ini akan dikemukakan beberapa contoh riwayat tersebut, di antaranya:

1) Ibn al-Jawzī menyebut riwayat Ahmad bin Hanbal *haddathanā* 'Abd al-Wahhāb bin 'Atā²⁶⁰ *akhbaranā* Sa'id bin Abi 'Urubah²⁶¹ 'an Qatādah tentang ayat 110 surah al-Baqarah yang berkaitan dengan arah kiblat. Menurut Qatādah, sahabat bersembahyang dengan mengadap ke arah Baitul Maqdis selama 16 bulan. Kemudian Allah telah memerintahkan agar arah tersebut ditukarkan ke arah Kaabah.²⁶² Oleh itu ayat ini dimansuhkan oleh perintah Allah supaya menghadap wajah ke arah Kaabah.

2) Riwayat Ahmad bin Hanbal *haddathanā* Hajjāj²⁶³ 'an Ibn Juraij 'an 'Atā al-Khurāsani 'an Ibn Abbās dikemukakan juga oleh beliau semasa menerangkan tentang maksud “*berkemampuan untuk berpuasa tetapi berat untuk melakukannya*” dalam ayat 184 surah al-Baqarah. Ahmad bin Hanbal meriwayatkan daripada Ibn 'Abbās bahawa ayat tersebut menerangkan tentang sesiapa sahaja di kalangan orang Islam yang sedang berpuasa kemudiannya

²⁶⁰ Beliau ialah 'Abd al-Wahhāb bin 'Atā' yang merupakan seorang ulama' yang terkenal di Basrah. Beliau meriwayatkan hadis daripada Sa'id bin 'Urubah dan seorang yang *thiqah* menurut Ibn Ma'in. Beliau meninggal dunia pada tahun 204 H. Lihat al-Dhahabī (t.t.), j. 1, m. 339.

²⁶¹ Beliau ialah Sa'id bin Abi 'Urubah. Beliau seorang yang *thiqah* serta banyak meriwayatkan hadis daripada Muhammad bin Sirin dan Qatādah. Beliau meninggal dunia pada tahun 156 H. Lihat al-Dhahabī (t.t.), j. 1, m. 117.

²⁶² Ibn al-Jawzī (t.t.), *op. cit.* m. 50.

²⁶³ Beliau ialah Hajjāj bin Minhāl dan seorang yang diiktiraf sebagai *hāfiz*. Beliau banyak meriwayatkan daripada Syu'bah dan Hammām. Antara ulama' yang meriwayatkan daripada beliau ialah al-Bukhari dan al-Dārimi. Beliau meninggal dunia pada tahun 217 H. Lihat al-Dhahabī (t.t.), j. 1, m. 403-404.

mahu berbuka, maka dia perlu memberi makan kepada seorang miskin. Ayat tersebut adalah *mansūkh* dengan kewajipan berpuasa berdasarkan ayat 185 surah *al-Baqarah*.²⁶⁴

3) Ibn al-Jawzī menyebut riwayat Ahmad *ḥaddathanā* Abū Dawūd 'an Za'amah 'an Ibn Tāwus 'an Tāwus²⁶⁵ yang berkaitan dengan ayat 180 surah al-Baqarah yang menerangkan tentang hukum wasiat. Menurut riwayat Ahmad daripada Tāwus yang menyebut bahawa wasiat terhadap ibubapa adalah *mansūkh* dan digantikan dengan perintah wasiat kepada kaum kerabat sahaja.²⁶⁶

4) Ibn al-Jawzī juga menyebut riwayat Ahmad bin Hanbal 'an 'Alī bin Ḥafṣ²⁶⁷ 'an Ibn Abī Najīh 'an Mujāhid berkaitan dengan hukuman kesalahan zina berdasarkan ayat 115 surah al-Nisā'. Hukuman tersebut adalah *mansūkh* dengan ketetapan baru yang terkandung di dalam ayat 2 surah al-Nūr yang menjelaskan tentang hukuman sebat sebanyak seratus kali kepada pesalah tersebut.²⁶⁸

5) Riwayat Ahmad bin Hanbal *ḥaddathanā* 'Abd al-Razzāq²⁶⁹ *ḥaddathanā* Ma'amar²⁷⁰ 'an Qatādah tentang ayat 2 surah al-Mā'idah berkaitan dengan larangan Allah dalam ayat tersebut juga disebut oleh Ibn al-Jawzī. Ayat

²⁶⁴ Ibn al-Jawzī (t.t.), *op. cit.* m. 66.

²⁶⁵ Beliau ialah Abū 'Abd al-Rahmān Tāwus bin Kisān al-Yamānī. Beliau banyak meriwayatkan daripada Zayd bin Thābit, 'Āisyah dan Ibn 'Abbās. Beliau meninggal dunia pada tahun 106 H di Mekah. Lihat al-Dhahabī (1956), *op. cit.* j. 1, m. 9.

²⁶⁶ Ibn al-Jawzī (t.t.), *op. cit.* m. 61.

²⁶⁷ Beliau ialah 'Alī bin al-Ḥasan dan merupakan seorang *muḥaddith*. Antara tokoh yang banyak meriwayatkan daripada beliau ialah al-Bukhārī dan Ahmad bin Hanbal. Beliau meninggal dunia pada tahun 215 H. Lihat al-Dhahabī (t.t.), j. 1, m. 370.

²⁶⁸ Ibn al-Jawzī (t.t.), *op. cit.* m. 122.

²⁶⁹ Beliau ialah 'Abd al-Razzāq bin Hammām bin Nāfi'. Beliau adalah seorang *ḥafīẓ* dan banyak meriwayatkan daripada Ma'amar, al-Awza'i dan al-Thawrī. Beliau meninggal dunia pada tahun 211 H. al-Dhahabī (t.t.), j. 1, m. 364.

²⁷⁰ Beliau ialah Ma'amar bin Rāsyid. Beliau meriwayatkan daripada al-Zuhri dan belajar dengan Qatādah selama 14 tahun. Beliau meninggal dunia pada tahun 153 H. *Ibid.* j. 1, m. 190.

berkenaan menjelaskan bahawa lelaki-lelaki pada zaman Jahiliyah akan mengikat kalung yang diperbuat daripada kayu ketika menuju ke Kaabah untuk menunaikan haji. Semasa perjalanan pulang, mereka pula akan menggantung kalung yang mengandungi syair. Perbuatan mereka itu tidak mendapat tentangan daripada sesiapa pun. Masyarakat Musyrikin ketika itu tidak pula menghalang orang lain untuk beribadah di Baitullah. Oleh itu orang-orang Islam tidak diperintah untuk memerangi mereka di bulan haram. Ayat ini adalah *mansūkh* dengan perintah Allah yang terdapat dalam ayat *al-Sayf*.²⁷¹

Riwayat Ahmad bin Hanbal dikemukakan oleh Ibn al-Jawzī untuk mengukuhkan pendapat atau pandangan ulama' terhadap hukum *mansūkh* bagi sesuatu ayat al-Qur'ān. Di sini dapat dilihat bahawa riwayat Ahmad bin Hanbal merupakan antara riwayat yang sahih kerana periwayatnya adalah mereka yang memang di akui dalam ilmu yang berkaitan dengan *isnad*.

4.1.2. Pendapat Sahabat dan *Tabi'īn* Tanpa *Sanad*.

Sekalipun Ibn al-Jawzī iltizam dengan metodotologi yang menyebut sanad setiap riwayat dengan lengkap, namun terdapat beberapa pendapat Sahabat dan *Tabi'īn* yang diringkaskan oleh beliau dengan membuang *sanad* tersebut. Perkara ini dapat dikesan pada beberapa tempat dan ia hanya melibatkan sebilangan kecil ayat sahaja.

²⁷¹ Ibn al-Jawzī (t.t.), *op. cit.* m. 141. Lihat riwayat tersebut dalam 'Abd al-Razzāq bin Hammām al-San'āni (1999), *Tafsīr 'Abd al-Razzāq, taḥqīq*: Maḥmūd Muḥammad 'Abduh, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyah, j.2, m.5.

Di bawah ini akan dikemukakan contoh-contoh penggunaan metodologi tersebut:

1) Firman Allah:

وَلَا تُقَاتِلُوهُمْ عِنْدَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ حَتَّى يُقَاتِلُوكُمْ فِيهِ

Dan janganlah kamu memerangi mereka di sekitar Masjidil Haram sehingga mereka memerangi kamu di situ...

Terjemahan Surah al-Baqarah (2): 191

Bagi ayat tersebut, Ibn al-Jawzī mengemukakan pendapat Qatādah yang menyebut bahwa bahwa ayat tersebut adalah *mansūkh* dengan kedatangan ayat di bawah.²⁷²

فَاَقْتُلُوا الْمُشْرِكِينَ حَيْثُ وَجَدْتُمُوهُمْ

Maka bunuhlah orang-orang musyrik itu di mana sahaja kamu menemui mereka...

Terjemahan Surah al-Tawbah (9): 5

2) Begitu dengan ayat berikut:

كُتِبَ عَلَيْكُمُ الْقِتَالُ

Kamu diwajibkan berperang (untuk menentang pencerobohan)...

Terjemahan Surah al-Baqarah (2): 216

²⁷² Ibn al-Jawzī (t.t.), *op. cit.* m. 72.

Di sini Ibn al-Jawzī hanya menyebut nama ‘Ikramah sahaja tanpa *sanad*. Menurut ‘Ikramah, ayat tersebut yang menetapkan kewajiban berperang adalah *mansūkh* dengan turunya ayat di bawah:²⁷³

لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا

Allah tidak memberati seseorang melainkan apa yang terdaya olehnya...

Terjemahan Surah al-Baqarah (2): 286.

3)) Firman Allah:

يَسْأَلُونَكَ عَنِ الشَّهْرِ الْحَرَامِ قِتَالٍ فِيهِ

Mereka bertanya kepadamu (wahai Muhammad), mengenai (hukum) berperang dalam bulan yang dihormati...

Terjemahan Surah al-Baqarah (2): 217.

Menurut Sa‘īd bin al-Musayyab, ayat tersebut adalah *mansūkh* dengan ayat yang memerintah supaya diperangi orang-orang Musyrikin di mana sahaja mereka berada iaitu ayat di bawah.²⁷⁴

فَاَقْتُلُوا الْمُشْرِكِينَ حَيْثُ وَجَدْتُمُوهُمْ

Maka bunuhlah orang-orang musyrik itu di mana sahaja kamu menemui mereka...

Terjemahan Surah al-Tawbah (9): 5

²⁷³ Ibn al-Jawzī (t.t.), *op. cit.* m. 80.

²⁷⁴ Ibn al-Jawzī (t.t.), *op. cit.* m. 81-82.

dan juga ayat di bawah:

قَاتِلُوا الَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَلَا بِالْيَوْمِ الْآخِرِ

Perangilah orang-orang yang tidak beriman kepada Allah dan tidak (beriman) kepada hari akhirat...

Terjemahan Surah al-Tawbah (9): 29.

4) Ibn al-Jawzī juga menggunakan cara yang sama pada ayat berikut:

لَا إِكْرَاهَ فِي الدِّينِ

Tidak ada paksaan dalam agama (Islam)...

Terjemahan Surah al-Baqarah (2): 256.

Ayat di atas adalah *mansūkh* kerana ia diturunkan sebelum perintah berperang diwajibkan ke atas orang-orang Islam. Ia *mansūkh* dengan kedatangan ayat *al-Sayf*. Ini merupakan pendapat al-Dahhāk.²⁷⁵

5) Seterusnya firman Allah dalam ayat di bawah:

وَمَا أَنتَ عَلَيْهِمْ بِجَبَّارٍ

Dan engkau bukanlah seorang yang berkuasa memaksa mereka (supaya masing-masing beriman)...

Terjemahan Surah Qaf (50): 45.

²⁷⁵ Ibn al-Jawzī (t.t.), *op. cit.* m. 93.

Ibn al-Jawzī mengemukakan pendapat Ibn al-‘Abbās yang menafsirkan ayat tersebut bahawa Nabi Muhammad tidak diutus untuk memaksa orang-orang kafir untuk memeluk Islam. Namun ayat ini diturunkan sebelum umat Islam diperintah untuk memerangi mereka. Ayat tersebut adalah *mansūkh* dengan perintah yang terdapat dalam ayat *al-Sayf*.²⁷⁶

Dari beberapa contoh di atas, dapat difahami bahawa Ibn al-Jawzī telah meringkaskan sanad tersebut dengan hanya menyebut nama Sahabat dan *Tabi‘īn* sahaja. Kaedah ini digunakan oleh beliau pada beberapa tempat sahaja sebagai sokongan terhadap pendapat yang telah diutarakan oleh beliau terlebih dahulu berdasarkan metod yang telah dijelaskan sebelum ini.

4.1.3. Pendapat Ulama’ Tafsir yang Muktabar.

Ibn al-Jawzī turut mengemukakan pendapat beberapa orang tokoh ulama’ yang muktabar dalam bidang Tafsir al-Qur’ān dengan tujuan untuk mempelbagaikan sumber dalam perbincangan beliau.

Pada hakikatnya terdapat di kalangan mereka yang dirujuk ini, pendapat mereka diambil secara langsung oleh Ibn al-Jawzī dari buku-buku mereka yang berkaitan dengan *nāsikh* dan *mansūkh*. Namun buku-buku ini tidak didapati pada hari kerana memang tidak dicetak ataupun terdapat yang dicetak namun tidak ditemui oleh penulis. Tokoh seperti Muqātil bin Sulaymān dan al-Suddī

²⁷⁶ Ibn al-Jawzī (t.t.), *op. cit.* m. 230.

tersenarai sebagai pengarang yang telah menghasilkan karya dalam bidang tersebut tetapi buku-buku mereka tidak diterbitkan.

Di bawah ini akan dikemukakan beberapa contoh pandangan ulama' tersebut sebagai bukti tentang metodologi yang telah digunakan oleh Ibn al-Jawzī. Di antaranya ialah:

4.1.3.1. Muqātil bin Sulaymān

Nama beliau ialah Abū al-Ḥasan Muqātil bin Sulaymān bin Basyīr. Beliau merupakan seorang tokoh Ulama' Tafsir yang terkenal dan telah mengarang beberapa buah buku yang berkaitan dengannya seperti *al-Nāsikh wa al-Mansūkh* dan *al-Tafsīr al-Kabīr*. Beliau berasal dari Balagh dan berpindah ke Basrah serta berhijrah ke Baghdad untuk mengajar di sana. Beliau telah meninggal dunia di Basrah pada tahun 150 H.²⁷⁷

Ibn al-Jawzī telah mengemukakan pendapat Muqātil bin Sulaymān pada beberapa tempat, antaranya ialah:

1) Berkaitan dengan ayat 99 surah Yūnus yang menerangkan tentang larangan memaksa orang-orang kafir untuk beriman dengan Allah, Muqātil bin Sulaymān mendakwa bahawa ayat tersebut *mansūkh* dengan ayat *al-Sayf* tetapi pendapat ini telah ditolak oleh Ibn al-Jawzī.²⁷⁸

²⁷⁷ Khayr al-Dīn al-Zereklī (1992), *op. cit.* j. 7, m. 281.

²⁷⁸ Ibn al-Jawzī (t.t.), *op. cit.* m. 180. Sekali pun buku *al-Nāsikh wa al-Mansūkh* susunan al-Muqātil bin Sulaymān tidak ada yang dicetak tetapi pendapat beliau boleh dirujuk dalam buku

2) Pendapat Muqātil bin Sulaymān dinyatakan juga oleh beliau apabila menerangkan tentang ayat 15 surah Hūd yang berkaitan dengan keterangan Allah tentang sesiapa yang mahukan dunia dan perhiasannya akan dipenuhi oleh Allah. Menurut Muqātil bin Sulaymān, ayat tersebut adalah *mansūkh* dengan kedatangan ayat 18 surah al-Isrā'.²⁷⁹

3) Ibn al-Jawzī juga mengemukakan pendapat Muqātil bin Sulaymān dalam membicarakan ayat 5 surah al-Syūrā yang menjelaskan tentang perbuatan meminta ampun untuk setiap orang yang berada di muka bumi. Muqātil bin Sulaymān mendakwa bahawa ayat ini adalah *mansūkh* dengan ketetapan ayat 6 surah al-Ghāfir.²⁸⁰

4) Pendapat Muqātil bin Sulaymān sekali lagi dikemukakan oleh beliau semasa membicarakan ayat 6 surah al-Qamr yang berkaitan dengan arahan memalingkan muka dari golongan pendusta agama Islam. Menurut Muqātil bin Sulaymān, ayat ini memberi maksud berpaling dari mereka sehingga datang seruan melalui seorang pendakwah dan ayat ini adalah *mansūkh* apabila turunnya ayat *al-Sayf*. Pendapat ini juga ditolak oleh Ibn al-Jawzī kerana tiada pertentangan antara kedua-dua ayat tersebut.²⁸¹

Pendapat Muqātil bin Sulaymān telah dikemukakan oleh Ibn al-Jawzī di dalam bukunya pada empat tempat yang mendakwa bahawa ayat-ayat tersebut adalah

Zād al-Masīr kerana Ibn al-Jawzī banyak mengemukakan pendapat beliau dalam buku tersebut. Lihat Ibn al-Jawzī (2002), *op. cit.* j. 4, m. 52.

²⁷⁹ Ibn al-Jawzī (t.t.), *op. cit.* m. 182. Ibn al-Jawzī (2002), *op. cit.* j. 4, m. 65.

²⁸⁰ Ibn al-Jawzī (t.t.), *op. cit.* m. 218. Ibn al-Jawzī (2002), *op. cit.* j. 7, m. 110.

²⁸¹ Ibn al-Jawzī (t.t.), *op. cit.* m. 234. Ibn al-Jawzī (2002), *op. cit.* j. 7, m. 292.

mansūkh. Ini dilakukan oleh beliau untuk menunjukkan kepelbagaian sumber tentang *mansūkh*nya sesuatu ayat itu.

4.1.3.2. Al-Suddī.

Beliau ialah Isma'īl bin 'Abd al-Raḥmān bin Abū Karīm al-Hāsyimī al-Suddī yang berasal dari Hijaz dan terkenal dengan panggilan al-Suddī al-Ṣaghīr. Beliau meriwayatkan tafsir daripada Ibn 'Abbās, Anas dan al-Thawrī. Beliau diiktiraf sebagai seorang yang *sadūq* walaupun dituduh sebagai seorang Syiah. Kebanyakan ulama' Hadis meriwayatkan hadis daripada beliau kecuali al-Bukharī. Beliau meninggal dunia pada tahun 127 H.²⁸²

Ibn al-Jawzī menyebut bahawa di antara faktor beliau menyusun buku Nawāsikh al-Qur'ān adalah kerana buku al-Nāsikh wa al-Mansūkh susunan al-Suddī mempunyai banyak kesilapan dan kesalahan yang amat ketara yang menggerunkan beliau. Namun hanya sebahagian kecil sahaja pendapat beliau dikemukakan oleh Ibn al-Jawzī.

Di bawah ini dinyatakan beberapa contoh pendapat Al-Suddī yang dikemukakan oleh beliau sebagai satu metod untuk menyebut dakwaan *mansūkh*:

²⁸² Lihat Ibn Rajab (1952), *op. cit.* j. 1. m. 109.

1) Ibn al-Jawzī menyebut pendapat al-Suddī bahawa ayat di bawah:

وَلِلّٰهِ الْمَشْرِقُ وَالْمَغْرِبُ فَأَيْنَمَا تُوَلُّوا فَثَمَّ وَجْهُ اللّٰهِ

Dan Allah jualah yang memiliki timur dan barat, maka kemana sahaja kamu arahkan diri mu (ke kiblat untuk mengadap Allah) maka di situlah arah yang diredai Allah...

Terjemahan Surah al-Baqarah (2): 115

Menurut al-Suddī ayat tersebut adalah *mansūkh* dengan ayat seterusnya.²⁸³

Firman Allah:

وَمِنْ حَيْثُ خَرَجْتَ قَوْلٌ وَجْهَكَ شَطْرَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ

Dari dari mana sahaja engkau keluar (untuk mengerjakan sembahyang) maka hendaklah muka kamu ke arah Masjidil Haram (Kaabah)...

Terjemahan Surah al-Baqarah (2): 150

2) Firman Allah:

يَسْأَلُونَكَ مَاذَا يُنْفِقُونَ

Mereka bertanya kepada mu (wahai Muhammad) apakah yang akan mereka belanjakan (dan kepada siapakah)?...

Terjemahan Surah al-Baqarah (2): 215

Menurut al-Suddī yang meriwayatkan daripada guru-gurunya bahawa *infaq* yang dimaksudkan dalam ayat tersebut bukanlah zakat yang wajib pada masa

²⁸³ Ibn al-Jawzī (t.t.), *op. cit.* m. 51.

penurunannya. Ia hanya nafkah seseorang ke atas ahli keluarganya. Sedekah yang disunatkan itu adalah *mansūkh* dengan perintah zakat.²⁸⁴

3) Seterusnya Ibn al-Jawzī mengemukakan pendapat al-Suddī bahawa ayat di bawah:

لَا يَتَّخِذِ الْمُؤْمِنُونَ الْكَافِرِينَ أَوْلِيَاءَ مِنْ دُونِ الْمُؤْمِنِينَ

Janganlah orang-orang yang iman mengambil orang-orang kafir menjadi teman rapat dengan meninggalkan orang-orang yang beriman...

Terjemahan Surah Al-‘Imrān (3): 28

Al-Suddī berpendapat ia adalah *mansūkh* dengan ayat yang seterusnya.²⁸⁵

إِلَّا أَنْ تَقُوا مِنْهُمْ نَعَاءَ

Kecuali kamu hendak menjaga diri daripada sesuatu bahaya yang ditakuti daripada pihak mereka (golongan yang kafir itu)...

Terjemahan Surah Al-‘Imrān (3): 28

4) Firman Allah:

وَلِلَّهِ عَلَى النَّاسِ حِجُّ الْبَيْتِ

Dan Allah mewajibkan manusia mengerjakan ibadah haji dengan mengunjungi Baitul Allah...

Terjemahan Surah Al-‘Imrān (3): 97

²⁸⁴ Ibn al-Jawzī (t.t.), *op. cit.* m. 79.

²⁸⁵ Ibn al-Jawzī (t.t.), *op. cit.* m. 105.

Menurut al-Suddī ayat di atas merangkumi kewajipan haji ke atas semua manusia sama ada kaya, miskin, berkuasa atau pun lemah. Kewajipan ini adalah *mansūkh* dengan firman Allah di bawah:²⁸⁶

مَنْ اسْتَطَاعَ إِلَيْهِ سَبِيلًا

laitu sesiapa yang mampu dan berkuasa sampai kepadanya...

Terjemahan Surah Al-‘Imrān (3): 97

5) Ibn al-Jawzī juga mengemukakan pendapat al-Suddī berkaitan dengan ayat di bawah:

انْفِرُوا خِفَافًا وَثِقَالًا

Pergilah beramai-ramai (untuk berperang ke jalan Allah) sama ada dengan keadaan ringan (dan mudah bergerak) atau pun dengan keadaan berat (disebabkan berbagai-bagai tanggung jawab)...

Terjemahan Surah Al-Tawbah (9): 41

Perintah yang terdapat dalam ayat di atas adalah *mansūkh* dengan ayat 91 Surah al-Tawbah.²⁸⁷ Firman Allah:

لَيْسَ عَلَى الضُّعَفَاءِ وَلَا عَلَى الْمَرْضَى وَلَا عَلَى الَّذِينَ لَا يَجِدُونَ مَا
يُنْفِقُونَ حَرَجٌ

Orang-orang yang lemah, dan orang-orang yang sakit, dan juga orang-orang yang tidak mempunyai sesuatu yang akan dibelanjakan, tidak menanggung dosa (kerana tidak turut berperang)...

Terjemahan Surah Al-Tawbah (9): 91

²⁸⁶ Ibn al-Jawzī (t.t.), *op. cit.* m. 106.

²⁸⁷ Ibn al-Jawzī (t.t.), *op. cit.* m. 176.

Berdasarkan beberapa contoh di atas dapat memberi satu gambaran bahawa Ibn al-Jawzī cuba mengemukakan pandangan al-Suddī sebagai satu dakwaan terhadap ayat-ayat yang *mansūkh*. Ini juga dapat membuktikan bahawa pandangan al-Suddī di dalam bukunya adalah benar-benar bertentangan dengan pendapat Ibn al-Jawzī setelah dianalisa oleh beliau.

Setiap ayat al-Qurʾān yang didakwa sebagai *mansūkh* telah dikemukakan oleh Ibn al-Jawzī dengan menggunakan metod yang tersendiri. Metod-metod ini meliputi pendapat Sahabat dan *Tabiʿin* yang dinyatakan riwayat mereka dengan lengkap daripada guru-gurunya dan juga berdasarkan riwayat Ahmad bin Hanbal. Di samping itu, beliau juga mengemukakan pandangan Sahabat dan *Tabiʿīn* dengan meringkaskan sanad-sanadnya. Pendapat ulama' juga tidak ketinggalan telah dikemukakan oleh beliau dengan baik sekali.

4.2. Menolak Dakwaan Ayat *Mansūkh*

Setiap ayat yang didakwa sebagai *mansūkh* sudah pasti memerlukan ayat yang menjadi *nāsikhnya*. Perkaitan antara kedua-duanya ini memainkan peranan yang amat penting kerana melalui analisa yang dilakukan oleh seseorang ulama' terhadap kedua-duanya dapat memberi satu keputusan yang diyakini sama ada ayat tersebut *mansūkh* atau *muḥkam*.

Di sini Ibn al-Jawzī telah menggunakan metod beliau untuk menganalisa dan menilai ayat-ayat yang telah dikemukakan untuk menjelaskan kedudukannya

sebagai *muḥkam*. Dalam hal ini beliau telah menggunakan beberapa metod untuk menolak dakwaan *mansūkh* tersebut.

Di bawah ini akan dikemukakan metod-metod tersebut:

4.2.1. Tafsir.

Definisi tafsir dapat dijelaskan dari dua sudut merangkumi pengertian dari sudut literasi dan terminologi. Tafsir dari sudut literasi ialah penjelasan dan penerangan bagi sesuatu.²⁸⁸

Dari sudut terminologi pula, tafsir didefinisikan sebagai satu ilmu yang membahaskan tentang al-Qur'ān al-Karīm dari sudut *dilalahnya* menurut kehendak Allah berdasarkan kemampuan manusia.²⁸⁹

Definisi lain yang lebih luas skopnya menyebut bahawa tafsir merupakan penjelasan terhadap makna ayat-ayat al-Qur'ān, bentuknya, kisah-kisahanya dan sebab penurunannya dengan lafaz yang menunjukkan maksudnya yang nyata.²⁹⁰

Secara ringkasnya, tafsir dapat disimpulkan sebagai satu ilmu untuk memahami maksud ayat al-Qur'ān dan ia berdasarkan kemampuan keilmuan seseorang itu.

²⁸⁸ Ibn Fāris (1971), *op. cit.* j. 4. m. 504.

²⁸⁹ 'Abd Allāh Syahātah (2001), *'Ulūm al-Tafsīr*, Kaherah: Dār al-Syurūq, m.9.

²⁹⁰ Khālid 'Abd al-Rahmān al-'Ak (1994), *Usūl al-Tafsīr wa Qawā'iduh*, c.3, Beirut: Dār al-Nafāis, m. 30.

Terdapat dua bentuk tafsir yang utama telah digunakan oleh Ibn al-Jawzī merangkumi perkara di bawah:

4.2.1.1. Tafsir *al-Ma'thūr*.

Menurut Ibn Taymiyah, Tafsir *al-Ma'thūr* adalah sesuatu keterangan dan penjelasan tentang ayat-ayat al-Qur'ān melalui ayat al-Qur'ān sendiri atau melalui sesuatu yang diriwayatkan daripada Rasulullah, Sahabat dan para Tabi'in.²⁹¹

Manakala sesuatu yang dipindahkan daripada para Tabi'in,²⁹² terdapat khilaf di kalangan ulama'. Terdapat di kalangan mereka yang menganggap ia sebagai *al-Ma'thūr* kerana mereka menerima daripada Sahabat. Manakala sebahagiannya pula memasukkannya dalam Tafsir *al-Ra'y* atau *al-'Aqli*.²⁹³

Ibn al-Jawzī telah menggunakan Tafsir *al-Ma'thūr* untuk menjelaskan tafsiran yang tepat bagi sesuatu ayat al-Qur'ān. Apabila maksud sesuatu ayat itu telah

²⁹¹ Muṣṭafā Ibrāhīm al-Masyīnī (1986), *Madrasah al-Tafsīr fī Andalus*, Beirut: Muassasah al-Risalah, m. 127.

²⁹² Menurut Muhammad Rajab al-Bayyūnī, mereka yang berpendapat bahawa tafsir Sahabat dan tafsir Tabi'in tidak termasuk di dalam kategori tafsir *al-Ma'thūr* adalah pendapat yang tepat. Ini kerana apabila para Sahabat tidak meriwayatkan sesuatu itu daripada Rasulullah maka tafsiran tersebut merupakan ijtihad mereka sendiri. Sebagai contoh Muḥammad al-Fāḍil bin 'Asyūr berhujah bahawa Ibn 'Abbās telah menyelitikan unsur bahasa yang meliputi syair dan unsur sejarah yang bersumberkan *khbar* yang bukan datang daripada Rasulullah. Dengan kedua-dua unsur ini telah melebarkan istilah *ma'thūr* kepada pendapat akal yang tidak bersumberkan Rasulullah. Ini adalah bertepatan dengan ketetapan ulama' tentang *al-ma'thūr* mestilah sesuatu yang sahih disandarkan kepada Rasulullah. Bagi golongan yang menerima makna *al-ma'thūr* merangkumi sesuatu yang datang daripada Sahabat itu sendiri atau hasil pemikiran Tabi'in maka ia tidak mempunyai perbezaan dengan tafsir *al-Ra'y*. Sila lihat Muḥammad Rajab al-Bayyūnī (1988), *al-Tafsīr al-Qur'ānī*, Kaherah: al-Muassasah al-'Arabiyah al-Hadithah, m. 33-34.

²⁹³ Al-Zurqānī (2001), *op. cit.* j. 1, m 433.

difahami, beliau dapat membuat ketetapan yang baik untuk menolak dakwaan *mansūkh* terhadapnya.

Di bawah ini akan diutarakan beberapa contoh tafsiran tersebut yang telah digunakan oleh Ibn al-Jawzī untuk menolak dakwaan tersebut.

1) Ibn al-Jawzī mengemukakan pendapat Sahabat dan *Tabi'in* berkaitan dengan tafsiran ayat berikut:

وَمِمَّا رَزَقْنَاهُمْ يُنْفِقُونَ

...serta membelanjakan (mendermakan) sebahagian dari rezeki yang kami berikan kepada mereka.

Terjemahan Surah al-Baqarah (2): 3.

Antara pendapat tersebut ialah nafkah yang dibelanjakan untuk keluarga dan tanggungan iaitu pendapat Ibn Mas'ūd²⁹⁴, zakat harta menurut Ibn 'Abbās dan berdasarkan riwayat al-Dahhāk²⁹⁵ ia adalah sedekah sunat. Menurut Ibn al-Jawzī, tidak ada *naskh* jika ayat di atas menunjukkan kepada sedekah sunat dan galakkan ke atasnya adalah kekal. Begitu juga ia adalah pujian kepada mereka atas semua nafkah sama ada wajib atau sunat.²⁹⁶

²⁹⁴ Beliau ialah 'Abd Allāh bin Mas'ūd bin Ghāfil dan merupakan di antara para Sahabat yang awal memeluk Islam dan sebelum keislaman 'Umar al-Khattāb. Beliau juga turut serta dalam kedua-dua peristiwa Hijrah dan telah menyertai banyak peperangan bersama Rasulullah. Beliau meninggal dunia pada tahun 32 H di Madinah. Lihat Ibn al-Athir (t.t.), *op. cit.* j.3, m. 384-390.

²⁹⁵ Beliau ialah Abū al-Qāsim al-Dahhāk bin Muzāhim al-Hilālī dan di antara *Tabi'in* yang masyhur. Beliau banyak meriwayatkan hadis dari Ibn Abbās, Anas, Ibn 'Umar, dan Abū Hurayrah. Beliau menguasai ilmu Tafsir dan iktiraf oleh al-Thawri di antara empat orang yang sewajarnya diambil ilmu Tafsir. Beliau meninggal dunia pada tahun 103 H. Lihat Ibn Kathir (2001), *op. cit.* j. 9, m. 236.

²⁹⁶ Ibn al-Jawzī (t.t.), *op.cit.* m. 41. Al-Ṭabarī (2001), *op. cit.* j. 1, m. 121.

2) Firman Allah:

وَقُولُوا لِلنَّاسِ حُسْنًا

Dan katakanlah kepada sesama manusia (dengan) perkataan yang baik...

Terjemahan Surah al-Baqarah (2): 83.

Menurut Muhammad bin 'Alī,²⁹⁷ ayat tersebut bermaksud, wahai umat nabi Muhammad, berkatalah kamu kepada orang-orang Musyrikin dengan sesuatu yang kamu suka mereka mengatakan yang demikian kepada kamu. Dengan ini ayat tersebut adalah *muḥkam*.²⁹⁸

3) Ibn al-Jawzī mengemukakan tafsiran Ibn 'Abbās berkaitan dengan ayat di bawah:

وَأَتِمُّوا الْحَجَّ وَالْعُمْرَةَ لِلَّهِ

Dan sempurnakanlah ibadah haji dan umrah kerana Allah...

Terjemahan Surah al-Baqarah (2): 196.

Ibn 'Abbās berpendapat bahawa ayat tersebut adalah diandaikan bahawa larangan agar jangan dipisahkan di antara kedua-duanya (haji dan umrah) tanpa

²⁹⁷ Beliau ialah Muhammad bin 'Alī bin al-Husayn dan terkenal dengan gelaran Abū Ja'afar bin al-Bāqir. Beliau banyak meriwayatkan daripada ayahnya, Jābir bin 'Abd Allāh dan Ibn 'Umar. Beliau lahir pada tahun 56 H dan meninggal dunia pada tahun 114 H. Lihat al-Dhahabī (t.t.), *op. cit.* j.1, m. 124.

²⁹⁸ Ibn al-Jawzī (t.t.), *op.cit.* m. 44.

sebarang keuzuran atau niat yang betul. Maka ayat ini tidak boleh menerima *mansūkh* sama sekali.²⁹⁹

4) Seterusnya firman Allah dalam ayat di bawah:

وَمَنْ كَانَ غَنِيًّا فَلْيَسْتَعْفِفْ وَمَنْ كَانَ فَقِيرًا فَلْيَأْكُلْ بِالْمَعْرُوفِ

Dan sesiapa (di antara penjaga harta-harta anak yatim itu) yang kaya maka hendaklah ia menahan diri (dari memakannya). Dan sesiapa yang miskin maka bolehlah ia memakan dengan cara yang sepatutnya...

Terjemahan Surah al-Nisā' (4): 6.

Bagi tafsiran ayat tersebut, Ibn al-Jawzī telah mengemukakan empat pendapat meliputi:

- 4.1. Menurut 'Umar al-Khattāb, ia merupakan pinjaman iaitu tidak perlu diambil harta anak yatim jika penjaganya seorang yang berkemampuan. Tetapi jika penjaga itu seorang yang fakir, maka dia boleh mengambil harta tersebut untuk dimakan dengan baik tetapi mesti dibayar apabila dia berada dalam keadaan senang nanti.
- 4.2. Menurut al-Ḥasan, 'Aṭā' dan Makhūl, harta tersebut boleh diambil untuk menampung kelaparan dan menutup aurat serta tidak perlu dibayar apabila berkemampuan.
- 4.3. Menurut al-Sya'abī,³⁰⁰ harta anak yatim boleh diqiaskan sebagai bangkai yang boleh dimakan semasa darurat. Apabila seseorang itu

²⁹⁹ Ibn al-Jawzī (t.t.), *op.cit.* m. 78.

³⁰⁰ Beliau ialah Abu 'Amrū 'Amir bin Syarāḥīl dan merupakan seorang *ḥafīẓ* dan faqih. Beliau banyak melakukan *mursal* kepada 'Alī bin Abī Ṭālib. Lihat al-Dhahabī (t.t.), *op. cit.* j. 1, m 79.

berkemampuan maka hendaklah diganti dan jika sebaliknya maka ia menjadi halal.

4.4. Berdasarkan pendapat Ibn al-‘Abbās bahawa harta tersebut boleh dimakan dengan cara yang baik iatu seseorang penjaga itu boleh mengambil sekadar upahnya jika dia melakukan sebarang kerja untuk anak yatim.

Menurut Ibn al-Jawzī. Berdasar keempat-empat pendapat tersebut ayat tersebut adalah *muḥkam*.³⁰¹

5) Firman Allah:

وَإِذَا حَضَرَ الْقِسْمَةَ أُولُو الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسْكِينُ فَارْزُقُوهُمْ مِنْهُ

Dan apabila kerabat (yang tidak berhak mendapat pusaka), dan anak-anak yatim serta orang-orang miskin hadir ketika pembahagian (harta pusaka) itu, maka berikan kepada mereka sedikit daripadanya...

Terjemahan Surah al-Nisā’ (4): 8.

Beliau mengemukakan pendapat Ibn ‘Abbās, Sa‘īd bin Jubayr, Qatādah dan al-Daḥḥāk bahawa ia ditujukan kepada orang-orang yang hadir di sisi orang yang berwasiat. Oleh yang demikian ayat tersebut membawa maksud bahawa orang-orang yang hadir di sisi orang yang berwasiat hendaklah berpesan kepadanya agar mengasingkan hartanya bagi sesiapa yang tidak berhak untuk mendapat harta pusaka. Di samping itu dia juga hendaklah meninggalkan sebahagian

³⁰¹ Ibn al-Jawzī (t.t.), *op.cit.* m. 111-113.

hartanya untuk para warisnya. Berdasarkan pendapat ini ayat tersebut adalah *muḥkam* dan bukan *mansūkh* oleh ayat 182 Surah al-Baqarah.³⁰²

Tafsir *al-Ma'thūr* telah berjaya dikemukakan oleh Ibn al-Jawzī dengan betul untuk memberikan satu tafsiran yang tepat kepada satu-satu ayat al-Qur'ān. Ini dapat membantu beliau untuk menolak dakwaan *mansūkh* terhadap dakwaan tersebut kerana maksud sebenarnya tidak bertentangan dengan ayat yang menjadi *nāsikh*.

4.2.1.1. Tafsir *al-Ra'y*.

Tafsir *al-Ra'y* atau Tafsir *al-'Aqlī* adalah satu tafsiran yang berpegang dengan kefahaman yang mendalam dan penumpuan terhadap makna ayat-ayat al-Qur'ān. Ini terhasil setelah mengetahui maksud struktur ayat al-Qur'ān serta memahami petunjuk dari ayat tersebut.³⁰³

Tafsir *al-'Aqlī* ini hanya dibenarkan apabila ia dilakukan dengan ilmu dan keikhlasan tanpa dipengaruhi oleh hawa nafsu. Jika tafsir tersebut berdasarkan akal semata-mata maka hukumnya adalah haram.³⁰⁴ Begitu juga tafsir yang tidak bertepatan dengan kaedah bahasa Arab serta dalil-dalil syarak maka ia adalah termasuk dalam tafsir yang tercela dan ditolak.³⁰⁵

³⁰² Ibn al-Jawzī (t.t.), *op. cit.* m. 118. Al-Ṭabarī (2001), *op. cit.* j. 4, m. 335.

³⁰³ Khālid 'Abd al-Rahmān al-'Ak (1994), *op. cit.* m. 167.

³⁰⁴ Ibn Taymiyah (1998), *op. cit.* j. 13. m. 198.

³⁰⁵ Aḥmad al-Syarbāṣī (1988), *op. cit.* m. 72.

Ibn al-Jawzī menggunakan tafsir *al-ra'y* dengan konsisten dalam menghuraikan maksud sesuatu ayat al-Qur'ān. Tafsir ini digunakan dengan begitu berkesan untuk membuktikan bahawa sesuatu ayat al-Qur'ān tersebut adalah bersifat *muḥkam*.

Di bawah ini dikemukakan beberapa contoh Tafsir *al-Ra'y* yang telah digunakan oleh beliau, antaranya:

1) Bagi ayat di bawah:

وَمِمَّا رَزَقْنَاهُمْ يُنْفِقُونَ

...serta membelanjakan (mendermakan) sebahagian dari rezeki yang kami berikan kepada mereka.

Terjemahan Surah al-Baqarah (2): 3.

Ibn al-Jawzī menafsirkannya bahawa nafkah yang diwajibkan ke atas ibubapa dan kaum kerabat adalah apabila mereka terdiri daripada orang-orang fakir. Ayat tersebut menerangkan tentang galakan mengeluarkan perbelanjaan untuk ibubapa dan kaum keluarga dan bukan mewajibkan perkara tersebut.³⁰⁶ Tidak ada hukum yang *mansūkh* di sini.

2) Ibn al-Jawzī menafsirkan ayat di bawah:

وَلَنَا أَعْمَالُنَا وَلَكُمْ أَعْمَالُكُمْ

...bagi kami (faedah) amalan kami dan bagi kamu pula (faedah) amalan kamu (jika diikhlasakan)...

Terjemahan Surah al-Baqarah (2): 139.

³⁰⁶ Ibn al-Jawzī (t.t.), *op. cit.* m. 79.

Tafsiran ayat di atas iaitu adakah kamu memusuhi kami dalam agama Allah sedangkan kamu berkata bahawa “ *kami lebih utama di sisi Allah daripada kamu kerana kami adalah anak-anak Allah dan orang-orang yang dikasihinya. Para Nabi adalah terdiri daripada kalangan kami* ”. Kita sebenarnya adalah sama bertanggung jawab untuk beribadah kepada Allah dan tidak ada sebarang keistimewaan bagi seseorang di sisi Allah melainkan dengan sifat taat dan menunaikan ibadah terhadap-Nya. Semua perbuatan tersebut akan dibalas oleh Allah.³⁰⁷

3) Firman Allah:

وَلِلّٰهِ عَلَى النَّاسِ حِجُّ الْبَيْتِ مَنِ اسْتَطَاعَ اِلَيْهِ سَبِيْلًا

... dan Allah mewajibkan manusia mengerjakan ibadah haji dengan mengunjungi Baitul Allah, iaitu sesiapa yang mampu dan berkuasa sampai kepadanya...

Terjemahan Surah Āl ‘Imrān (3): 97.

Menurut Ibn al-Jawzī, pendapat yang mendakwa ayat tersebut *mansūkh* adalah pendapat yang lemah dan tidak diasaskan atas pengetahuan tentang bahasa Arab. Pendapat yang betul ialah pendapat kebanyakan pakar bahasa Arab yang mengatakan bahawa (من) adalah (بدل) kepada perkataan (الناس) dan ia merupakan (بدل البعض). Dengan itu ayat tersebut membawa maksud bahawa Allah mewajibkan ke atas sesiapa yang berkemampuan sahaja di kalangan orang-orang Islam supaya menunaikan ibadah tersebut.³⁰⁸ Tidak ada

³⁰⁷ Ibn al-Jawzī (t.t.), *op. cit.* m. 53-54.

³⁰⁸ Ibn al-Jawzī (t.t.), *op. cit.* m. 107.

sebarang ayat yang *mansūkh* dalam hukum ini yang berkaitan dengan perkara tersebut.

4) Ibn al-Jawzī menafsirkan ayat 44 surah al-Tawbah di bawah:

لَا يَسْتَأْذِنُكَ الَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ

Orang-orang yang beriman dengan Allah dan hari akhirat, tidak akan meminta izin daripada mu untuk (tidak turut) berjihad ...

Terjemahan Surah al-Tawbah (9): 44.

Bahawa ayat tersebut mencela orang-orang munafik yang meminta izin daripada Rasulullah untuk tidak menyertai peperangan tanpa sebarang keuzuran. Kebenaran tersebut diberikan kepada orang-orang Islam jika mereka menghadapi keperluan tersebut. Orang-orang munafik sentiasa mencari alasan bahawa mereka mempunyai keperluan lain yang perlu dilakukan semata-mata untuk mengelakkan diri mereka dari menyertai peperangan tanpa kebenaran daripada Rasulullah.³⁰⁹

5) Seterusnya firman Allah:

وَإِنْ كَذَّبُوكَ فَقُلْ لِي عَمَلِي وَلَكُمْ عَمَلُكُمْ

Dan jika mereka terus-menerus mendustakanmu (wahai Muhammad), maka katakanlah: “*bagiku amalan ku, dan bagi kamu pula amalan kamu*”...

Terjemahan Surah Yūnus (10): 41.

³⁰⁹ Ibn al-Jawzī (t.t.), *op. cit.* m. 177.

Berkaitan dengan ayat 41 surah Yūnus, beliau menafsirkan ayat tersebut bahawa seseorang itu akan mendapat balasan di atas setiap perbuatannya. Jika dia menipu maka kesukaran dan azab akan menimpa dirinya. Begitu juga jika orang lain yang melakukan pendustaan maka balasan akan menimpa diri mereka akibat perbuatan tersebut. Hasil dari tafsiran ini membawa maksud bahawa tidak ada sebarang larangan untuk memerangi orang-orang kafir. Oleh itu tidak ada ruang untuk dakwaan *mansūkh* terhadap ayat tersebut.³¹⁰

Ibn al-Jawzī telah menggunakan pendekatan Tafsir *al-Ra'y* dalam membahaskan sesuatu ayat itu *mansūkh* atau sebaliknya selepas beliau mengemukakan pandangan Sahabat dan Tabi'īn berdasarkan riwayat yang diterima oleh beliau. Oleh itu, Tafsir *al-Ra'y* mempunyai peranan yang amat besar untuk menghuraikan maksud sesuatu ayat itu agar penilaian yang tuntas dapat dilakukan untuk menentukan status ayat tersebut. Inilah metod yang digunakan oleh Ibn al-Jawzī untuk menolak sesuatu ayat al-Qur'ān itu adalah *mansūkh*.

4.2.2. Pendapat Ulama'

Persoalan *naskh* telah diperbincangkan semenjak zaman awal Islam telah melahirkan beberapa pandangan ulama' terhadap ayat-ayat yang didakwa sebagai *mansūkh*. Terdapat di kalangan mereka ini yang membuat komentar dan seterusnya menolak pendapat tertentu kerana syarat-syarat penerimaan *naskh*

³¹⁰ Ibn al-Jawzī (t.t.), *op. cit.* m. 180.

tidak diraikan dalam dakwaan tersebut. Di sini, Ibn al-Jawzī telah mengemukakan beberapa pendapat ulama' untuk menyokong pendapat beliau bahawa ayat tersebut adalah *muḥkam*.

Di bawah ini akan diutarakan beberapa ulama' berserta contoh-contoh pandangan mereka yang telah digunakan oleh Ibn al-Jawzī:

4.2.2.1. Ibrāhīm bin al-Sarī al-Zajjāj.

Nama beliau ialah Abū Ishāk Ibrāhīm bin al-Sarī bin Sahl al-Zajjāj. Beliau yang lahir pada tahun 241H di Baghdad telah mendalami ilmu pengetahuan dan menjadi pakar dalam ilmu tatabahasa dan bahasa Arab. Beliau telah menghasilkan beberapa karya yang berkaitan dengan al-Qur'ān dengan memberi tumpuan keada aspek bahasa. Antara karya beliau yang masih tersebar pada hari ini ialah Ma'ānī al-Qur'ān dan I'rāb al-Qur'ān. Beliau meninggal dunia pada tahun 311 H juga di Baghdad setelah memberi sumbangan yang besar kepada umat Islam.³¹¹

Keilmuan al-Zajjāj telah menarik minat Ibn al-Jawzī mengutarakan pendapat beliau pada beberapa ayat, antaranya:

³¹¹ Khayr al-Dīn al-Zereky (1992), *op. cit.* j. 1, m. 40.

1) Berkaitan dengan ayat 115 surah al-Baqarah yang menerangkan tentang perubahan kiblat umat Islam dari Baitul Maqdis ke Baitul Haram di Mekah. Dalam memberi penjelasan tentang sebab ditentukan arah kiblat ke arah Baitul Maqdis sama ada dengan perintah Allah atau pilihan Rasulullah, Al-Zajjāj berpendapat bahawa perkara tersebut adalah pilihan Rasulullah kerana orang-orang Arab ketika menunaikan haji, hati mereka tidak cenderung ke arah Baitul Maqdis. Allah mahu menguji mereka dengan sesuatu yang mereka tidak sukai untuk menampakkan siapa sebenarnya pengikut Rasulullah. Pendapat ini adalah berdasarkan ayat 143 surah al-Baqarah.³¹² Oleh itu tidak terdapat ayat yang dimansuhkan di sini.

2) Berkaitan dengan ayat 105 surah al-Māidah, pendapat al-Zajjāj dirujuk oleh Ibn al-Jawzī untuk menolak pendapat yang mendakwa bahawa ayat tersebut adalah *mansūkh*. Menurut al-Zajjāj, Allah mewajibkan setiap individu agar melaksanakan tanggung jawab mereka sendiri dan Allah tidak menyeksa seseorang dengan dosa orang lain. Ayat ini tidak menetapkan agar amal makruf ditinggalkan kerana jika seseorang itu mampu melaksanakannya tetapi dia mengabaikannya, pastilah perbuatan ini akan mengakibatkan seseorang itu akan sesat tanpa hidayah.³¹³

3) Pendapat al-Zajjāj dinyatakan oleh Ibn al-Jawzī untuk memberikan tafsiran ayat 125 surah al-Nahl yang berkaitan dengan arahan agar berdebat dengan baik terhadap orang yang didakwah. Al-Zajjāj menerangkan bahawa perlunya berdebat tanpa kekerasan, marah dan sentiasa berhemah terhadap mereka.

³¹² Ibn al-Jawzī (t.t.), *op. cit.* m. 53.

³¹³ Ibn al-Jawzī (t.t.), *op. cit.* m. 149. Ibn al-Jawzī (2002), *op. cit.* j. 2. m. 268.

Terdapat ramai di kalangan ulama' Tafsir yang mendakwa ayat ini adalah *mansūkh* dengan ayat *al-Sayf*, namun pada hakikatnya adalah jauh sama sekali. Ini kerana berdebat tidak menafikan boleh berlakunya peperangan setelah mereka enggan menerima dakwah Islam dan menentang ajaran Islam.³¹⁴

4) Pada ayat 9 surah al-Kahf yang berkaitan dengan keadaan orang-orang yang beriman dan orang-orang kafir. Pendapat al-Zajjāj dirujuk sebagai hujah bahawa ayat tersebut bukanlah *mansūkh* kerana sifatnya sebagai peringatan dan ancaman kepada orang yang ingkar kepada Allah dan bukan dalam bentuk perintah.³¹⁵

Pendapat al-Zajjāj telah disebut oleh Ibn al-Jawzī sebagai satu keterangan terhadap tafsiran-tafsiran ayat tertentu. Melalui penjelasan ini dapatlah diputuskan bahawa sesuatu ayat itu adalah *muḥkam*.

4.2.2.2. Al-Ṭabarī.

Pengarang buku ini ialah Abū Ja'afar Muḥammad bin Jarīr bin Yazīd al-Ṭabarī. Beliau merupakan seorang sejarawan, ahli tafsir, *muḥaddith* dan ahli fiqh. Beliau lahir pada tahun 224 H dan meninggal dunia pada tahun 310 H di Baghdad.³¹⁶

³¹⁴ Ibn al-Jawzī (t.t.), *op. cit.* m. 188. Ibn al-Jawzī (2002), *op. cit.* j. 4. m. 386.

³¹⁵ Ibn al-Jawzī (t.t.), *op. cit.* m. 192. Ibn al-Jawzī (2002), *op. cit.* j. 5. m. 98.

³¹⁶ Khayr al-Dīn al-Zereklī (1992), *op. cit.* j. 6. m. 69.

Dalam kehidupannya beliau banyak mengembara untuk mencari ilmu pengetahuan terutamanya ilmu yang berkaitan dengan hadis. Beliau telah mengarang sebuah buku tafsir yang dianggap sebagai sebuah karya tafsir yang terbaik dan tidak mampu disaingi oleh mana-mana tafsir dari sudut perbahasannya tentang perkara aqidah atau fiqh.³¹⁷ Menurut Ibn Taymiyah, “*Tafsir al-Ṭabarī* merupakan kitab tafsir yang paling *ṣaḥīḥ* di kalangan masyarakat Islam”.³¹⁸

Menurut Ibn Kathīr, beliau merupakan seorang yang kuat ibadah, warak, mempunyai suara yang baik serta menguasai *qiraat*. Beliau juga adalah di antara ahli hadis yang pernah menetap di Mesir bersama-sama tokoh hadis yang lain seperti Ibn Khuzaimah.³¹⁹

Ibn al-Jawzī telah mengambil pendapat al-Ṭabarī yang terdapat di dalam *Tafsir al-Ṭabarī* untuk dikemukakan sebagai satu daripada metod beliau untuk menolak dakwaan *mansūkh* terhadap sesuatu ayat al-Qurʿan.

Di bawah ini akan dikemukakan beberapa contoh pandangan tersebut:

1) Ibn al-Jawzī merujuk kepada pendapat al-Ṭabarī apabila beliau menghuraikan maksud ayat 115 surah al-Baqarah yang berkaitan dengan arah kiblat. Persoalan yang ditimbulkan sama ada perbuatan sembahyang dengan menghadap wajah ke arah Baitul Maqdis itu satu perintah Allah atau ijtihad Rasulullah sahaja. Beliau mengemukakan pendapat al-Ṭabarī bahawa perbuatan

³¹⁷ Ibn Kathir (2001), *op. cit.* j. 11, m. 156-158.

³¹⁸ Ibn Taymiyah (1998), *op. cit.* j. 13, m. 208.

³¹⁹ Ibn Kathir (2001), *op. cit.* j. 11, m. 156-158.

tersebut merupakan satu ijtihad Rasulullah untuk melembutkan hati Ahli Kitab. Apabila hukum tersebut sabit dengan al-Sunnah maka tidak ada *mansūkh* pada ayat tersebut.³²⁰

2) Pendapat al-Ṭabarī juga disebut oleh Ibn al-Jawzī untuk menguatkan pendapat beliau bahawa ayat 1 surah al-Anfāl adalah *muḥkam* dan ayat 41 surah tersebut bukanlah *nāsikh* baginya. Setiap *mansūkh* adalah dibatalkan hukumnya tetapi pada ayat tersebut tidak ada hukum yang dibatalkan dan dengan itu dakwaan tersebut adalah tertolak.³²¹

3) Ibn al-Jawzī menyebut pendapat al-Ṭabarī semasa membuat penentuan sama ada ayat 39 surah al-Tawbah yang berkaitan dengan keengganan berperang adakah ia *mansūkh* atau sebaliknya. Beliau menyebut pendapat tersebut sebagai sokongan bahawa ayat tersebut tidak *mansūkh* tetapi *muḥkam*. Ini berdasarkan hujah bahawa tidak ada pertentangan di antara ayat tersebut dengan ayat 122 surah yang sama. Ayat 122 surah al-Tawbah tersebut hanyalah bertindak sebagai *takhṣīṣ* sahaja bagi ayat 39 itu.³²²

4) Ibn al-Jawzī juga merujuk kepada pendapat al-Ṭabarī semasa menentukan bahawa ayat 24 surah al-Isrā' adalah *muḥkam* dan bukannya *mansūkh*. Ini adalah berdasarkan keadaan ayat 113 surah al-Tawbah adalah *takhṣīṣ* kepada ayat yang didakwa *mansūkh* tersebut. Pendapat al-Ṭabarī tersebut dikemukakan oleh beliau sebagai satu hujah tentang kebenaran pendapat beliau.³²³

³²⁰ Ibn al-Jawzī (t.t.), *op.cit.* m. 53. Al-Ṭabarī (2001), *op. cit.* j. 1, m. 581.

³²¹ Ibn al-Jawzī (t.t.), *op.cit.* m. 165. Al-Ṭabarī (2001), *op. cit.* j. 9, m. 209.

³²² Ibn al-Jawzī (t.t.), *op.cit.* m. 176. Al-Ṭabarī (2001), *op. cit.* j. 10, m. 154.

³²³ Ibn al-Jawzī (t.t.), *op.cit.* m. 191. Al-Ṭabarī (2001), *op. cit.* j. 15, m. 79.

5) Berkaitan dengan ayat 8 dan 9 surah al-Mumtahinah, Ibn al-Jawzī sekali lagi merujuk kepada pendapat al-Ṭabarī dengan mendakwa ayat tersebut adalah *muḥkam* dan tidak *mansūkh* dengan kedatangan ayat *al-Sayf*.³²⁴ Menurut al-Ṭabarī, ini kerana perbuatan melakukan kebaikan terhadap orang-orang yang diperangi sama ada mereka itu terdiri daripada saudara mara atau bukan, tidaklah diharamkan. Ini berlaku jika perbuatan tersebut bukan untuk memberi kekuatan kepada mereka untuk memerangi orang-orang Islam seperti memberi senjata atau membocorkan rahsia tentang kelemahan tentera Islam.³²⁵ Namun Ibn al-Jawzī hanya menyebut pendapat al-Ṭabarī dengan menggunakan kefahamannya sahaja dan tidak sama dengan teks yang sebenarnya.

Pendapat al-Ṭabarī mempunyai peranan yang amat jelas sebagai salah satu rujukan utama dalam analisa terhadap persoalan ini. Ia dijadikan sebagai satu tafsiran untuk memahami maksud sesuatu ayat al-Qurʾān dan juga sebagai satu keputusan atau hukum bahawa ayat tersebut *muḥkam*.

4.2.2.3. al-Naḥḥās.

Pengarang buku ini ialah Abū Jaʿafar Aḥmad bin Muḥammad bin Ismaʿīl bin Yūnus dan terkenal dengan panggilan al-Naḥḥās. Beliau merupakan seorang ahli bahasa Arab, sasterawan, ahli tafsir serta mengarang banyak buku

³²⁴ Ayat *al-Sayf* ialah ayat 5 surah al-Tawbah yang didakwa oleh golongan yang terlalu longgar dalam penggunaan istilah *naskh* menjadi *nāsikh* kepada semua ayat yang berkaitan dengan perhubungan di antara orang Islam dengan kaum kafir.

³²⁵ Ibn al-Jawzī (t.t.), *op.cit.* m. 239. Al-Ṭabarī (2001), *op. cit.* j.28, m. 72.

terutamanya dalam bidang tafsir. Beliau lahir di Mesir dan telah merantau ke Iraq untuk menuntut ilmu dan berguru dengan beberapa orang ulama' yang terkenal seperti al-Zajjāj dan Sibawayh. Beliau meninggal dunia pada tahun 338 H di Mesir.³²⁶

Ibn al-Jawzī telah mengemukakan pendapat al-Nahhās pada beberapa tempat, antaranya ialah:

1) Berkaitan dengan ayat 102 surah Āl Imrān, Ibn al-Jawzī mengemukakan pendapat al-Nahhās bahawa ayat tersebut adalah *muḥkam* dan bukannya *mansūkh* sebagaimana yang didakwa oleh sebahagian ulama'. Al-Nahhās berhujah bahawa pendapat yang mendakwa ayat tersebut sebagai *mansūkh* oleh ayat 116 surah al-Taghābun adalah tidak benar kerana kedua-dua ayat tersebut adalah sama maksudnya tanpa ada apa-apa pertentangan.³²⁷

2) Ibn al-Jawzī juga merujuk kepada pendapat al-Nahhās apabila menerangkan kedudukan ayat 10 surah al-Nisā' yang didakwa sebagai *mansūkh*. Al-Nahhās menjelaskan bahawa ayat tersebut tidak boleh menjadi *mansūkh* kerana ia adalah dalam bentuk *khbar* dan peringatan tentang azab serta larangan dari melakukan kezaliman dan aniaya. Ibn al-Jawzī menyebut pendapat ini sebagai satu sokongan terhadap pendapatnya yang menyebut bahawa ayat tersebut adalah *muḥkam*.³²⁸

³²⁶ Ibn Kathir (2001), *op. cit.* j. 11, m. 237.

³²⁷ Ibn al-Jawzī (t.t.), *op. cit.* m. 109. Al-Nahhās (1991), *op. cit.* j.2, m. 130.

³²⁸ Ibn al-Jawzī (t.t.), *op. cit.* m. 120. Al-Nahhās (1991), *op. cit.* j.1, m. 636.

3) Berkaitan dengan ayat 9 surah al-Nisā', pendapat al-Nahhās disebut sebagai penjelasan tentang pandangan ulama' yang menyatakan ayat tersebut adalah *muḥkam*. Al-Nahhās menyatakan bahawa sesuatu ayat yang umum tidak boleh dikhususkan melainkan dengan adanya ketetapan syarak atau dalil yang *qat'ī*. Terdapat sebgaiannya ulama' yang mengketegorkan ayat ini sebagai *takhṣīṣ* oleh ayat 68-70 surah al-Furqān kepada sesiapa yang tidak bertaubat. Pendapat ini dipersejui oleh Ibn al-Jawzī.³²⁹

4) Ibn al-Jawzī juga menyatakan pendapat al-Nahhās semasa menghuraikan ayat 67 surah al-Anfāl yang didakwa sebagai *mansūkh* oleh ayat 4 surah Muḥammad. Al-Nahhās menyebut bahawa tidak ada *nāṣikh* dan *mansūkh* kerana di dalam ayat tersebut dinyatakan bahawa tindakan Rasulullah adalah untuk memastikan tidak berlaku terlalu banyak pertumpahan darah. Pendapat ini dinyatakan sebagai satu sokongan ke atas pendapat Ibn al-Jawzī sendiri.³³⁰

Pendapat Al-Nahhās yang telah diutarakan oleh Ibn al-Jawzī dapat disimpulkan kepada beberapa kategori yang meliputi tafsiran ayat al-Qur'ān dan sokongan terhadap pendapat Ibn al-Jawzī bahawa sesuatu ayat itu adalah *muḥkam*.

4.2.2.4. Ibn Uqayl.

Nama beliau ialah Abū al-Wafā' 'Alī bin Uqayl bin Muḥammad bin Aḥmad bin 'Uqayl bin Aḥmad. Beliau lahir pada tahun 431 H dan telah menetap di

³²⁹ Ibn al-Jawzī (t.t.), *op. cit.* m. 135. Al-Nahhās (1991), *op. cit.* j.2, m. 217.

³³⁰ Ibn al-Jawzī (t.t.), *op. cit.* m. 169. Al-Nahhās (1991), *op. cit.* j. 2, m.390.

Baghdad. Kepakaran beliau dalam beberapa bidang ilmu pengetahuan melayakkan beliau diiktiraf sebagai seorang yang pakar tentang al-Qur'ān, nahu, sastera, hadis, usul fiqh dan fiqh. Kehidupan beliau yang dipengaruhi oleh tasawwuf melahirkan satu keperibadian yang zahid dan mengamalkan cara hidup sufi.³³¹

Suasana keilmuan di Baghdad ketika itu telah mempengaruhi beliau untuk taksuf kepada mazhab Ahmad bin Hanbal. Beliau menentang golongan yang memperkecilkan kehebatan Imam Ahmad seperti menolak dakwaan bahawa Imam Ahmad bukannya seorang faqih tetapi hanyalah sekadar seorang *muhaddith*. Walaupun begitu, beliau tetap iltizam dengan dalil sama ada al-Qur'ān atau hadis Rasulullah. Beliau meninggal dunia pada tahun 488 H di Baghdad.³³²

Ibn al-Jawzī turut merujuk kepada Ibn 'Uqayl untuk memberi penjelasan pada beberapa ayat al-Qur'ān yang diperbincangkannya. Antara pendapat-pendapat tersebut ialah:

1) Berkaitan dengan ayat 102 surah Āl 'Imrām yang menerangkan tentang perintah agar orang-orang beriman bertakwa dengan sebenar-benarnya kepada Allah, pendapat Ibn 'Uqayl dikemukakan sebagai satu pengukuhan bahawa ayat tersebut bukan *mansūkh* oleh ayat 16 surah al-Taghābun. Menurut beliau, ayat tersebut bertindak sebagai keterangan tentang hakikat takwa iaitu pelaksanaannya adalah mengikut kemampuan seseorang. Satu kesilapan yang

³³¹ Ibn Rajab (1952), *op. cit.* j. 2. m. 142-165.

³³² *Ibid.*

besar bagi sesiapa yang mendakwa penerangan al-Qur'ān boleh menjadi *mansūkh*. Menurut ulama' Fiqh, bentuk ini dinamakan *tafsīr mujammal* atau keterangan tentang kemusykilan sesuatu ayat al-Qur'ān. Ayat di atas menjelaskan bahawa apa yang dimaksudkan oleh Allah hanyalah kewajipan seseorang itu bertakwa sekadar kemampuannya.³³³

2) Ibn al-Jawzī turut mengemukakan pandangan Ibn 'Uqayl berkaitan dengan ayat 88 surah al-Hijr yang menerangkan tentang larangan memandang harta kekayaan orang-orang kafir dan jangan berdukacita terhadap perkara tersebut yang didakwa *mansūkh* dengan ayat *al-Sayf*. Menurut Ibn 'Uqayl, terdapat sebahagian orang yang mendakwa ayat tersebut *mansūkh* dengan kedatangan ayat *al-Sayf* tetapi itu adalah tidak benar.³³⁴

3) Ibn al-Jawzī juga menyebut pendapat Ibn 'Uqayl semasa menafsirkan ayat 175, 178 dan 179 surah al-Šāffāt. Menurut Ibn 'Uqayl, dua ayat yang awal adalah berkaitan dengan halangan yang dilakukan oleh orang-orang kafir terhadap Rasulullah untuk menunaikan umrah. Maksud Allah memperlihatkan seksaannya pada ayat ketiga ialah berkaitan dengan pembukaan Kota Mekah apabila orang-orang kafir berhimpun di hadapan Rasulullah dan memohon keampunan. Ketika itu mereka akan melihat keagungan orang-orang Islam dan kehinaan yang menimpa diri mereka. Berdasarkan apa yang telah dinyatakan, sebenarnya tidak ada *mansūkh* pada ayat tersebut.³³⁵

³³³ Ibn al-Jawzī (t.t.), *op. cit.* m. 109.

³³⁴ Ibn al-Jawzī (t.t.), *op. cit.* m. 185.

³³⁵ Ibn al-Jawzī (t.t.), *op. cit.* m. 213.

Ibn ‘Uqayl sebagai seorang ulama’ yang berfahaman mazhab Hanbali telah dirujuk oleh Ibn al-Jawzī untuk diambil pandangan beliau. Seperti satu kelaziman bagi Ibn al-Jawzī untuk berpegang dengan pendapat ulama’ dari mazhab yang sama tanpa cuba untuk menolak pandangan tersebut.

4.2.3. *Asbāb al-Nuzūl*.

Ibn al-Jawzī turut mengemukakan beberapa *Asbāb al-Nuzūl* bagi sesuatu ayat al-Qur’ān dengan maksud untuk mendapat satu gambaran yang jelas tentang latar belakang ayat tersebut. *Asbāb al-Nuzūl* ini mempunyai peranan yang amat penting bagi Ibn al-Jawzī kerana ia mampu mempengaruhi sesuatu ayat al-Qur’ān itu samada ianya *mansūkh* atau *muḥkam*.

Di bawah ini dikemukakan beberapa contoh *Asbāb al-Nuzūl* yang terdapat di dalam buku Nawāsikh al-Qur’ān yang digunakan oleh beliau untuk mendapat kefahaman tentang maksud sesuatu ayat. Kefahaman ini seterusnya dipergunakan untuk menolak dakwaan *mansūkh* terhadap sesuatu ayat al-Qur’ān.

Perkara tersebut jelas kelihatan dari contoh-contoh di bawah:

1) *Asbāb al-Nuzūl* ayat 158 surah al-Baqarah ialah di al-Şafā’ terdapat satu berhala yang digelar ‘Asāf dan di al-Marwah pula terdapat berhala yang digelar Nā’ilah. Masyarakat Jahiliyah melakukan *sa’i* di antara kedua-duanya dengan

menyusap kedua-dua berhala tersebut. Apabila Islam datang, maka amalan tersebut telah dilarang sehingga turunlah ayat tersebut. Oleh yang demikian ayat tersebut tidak dimansuhkan oleh ayat 130 surah al-Baqarah.³³⁶

2) Ibn al-Jawzī menyebutkan sebab penurunan ayat 217 surah al-Baqarah adalah kerana Rasulullah telah mengutus satu pasukan tentera peninjau untuk melihat situasi di persekitaran Madinah. Namun pasukan tersebut telah membunuh ‘Amrū bin al-Khaḍramī pada awal bulan Rejab yang merupakan salah satu bulan yang diharamkan peperangan. Perbuatan tersebut telah menimbulkan kutukan orang-orang Musyrikin terhadap umat Islam.³³⁷

3) Sebab penurunan ayat 256 surah al-Baqarah juga disebut oleh Ibn al-Jawzī bahawa wanita al-Anṣār yang tidak mempunyai anak akan digelar sebagai *al-Miqlāh*. Bagi sesiapa yang berkeadaan yang demikian, dia akan bernazar jika memiliki seorang anak ia akan dijadikan sebagai seorang Yahudi. Ini kerana mereka berpendapat bahawa orang Yahudi adalah lebih baik daripada penyembah berhala. Apabila Islam datang mereka melakukan perkara yang sama dengan memaksa anak-anak mereka memeluk agama Islam.³³⁸ Larangan memaksa orang lain memeluk Islam masih kekal hukumnya dan diamalkan sehingga ke hari ini.

³³⁶ Ibn al-Jawzī (t.t.), *op. cit.* m. 55. Lihat ‘Alī bin Aḥmad al-Wāḥidī (2000), *Asbāb al-Nuzūl*, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyah, m. 55.

³³⁷ Ibn al-Jawzī (t.t.) *op. cit.* m. 70. Lihat juga riwayat tersebut dalam ‘Abd al-Raḥmān bin Abī Bakr al-Suyūṭī (2000), *Lubāb al-Nuqūl fī Asbāb al-Nuzūl*, c. 3, Beirut: Dār al-Ma‘arif, m. 44.

³³⁸ Ibn al-Jawzī (t.t.), *op. cit.* m. 92. Lihat juga al-Wāḥidī (2000), *op. cit.* m. 43.

Ibn al-Jawzī telah mengemukakan *Ashāb al-Nuzūl* pada beberapa ayat al-Qurʾān sebagai satu instrumen untuk membantu pemahaman terhadap sesuatu ayat al-Qurʾān. Melalui metod ini, keputusan sama ada sesuatu ayat itu *mansūkh* atau *mulhkam* akan dapat diputuskan dengan tepat.

4.2.4. *Ikhtilāf* Mazhab.

Kajian tentang *nāsikh* dan *mansūkh* yang mempunyai kaitan secara langsung dengan hukum memberikan satu implikasi perkaitannya dengan *Ikhtilāf* Mazhab. Jika diteliti secara mendalam, memang perkara ini telah disebut oleh beliau semasa menghurai hukum-hukum yang terdapat dalam sesuatu ayat walaupun perkara tersebut tidak dibincangkan secara terperinci.

Penentuan hukum berdasarkan *Ikhtilāf* Mazhab ini sebenarnya telah mempengaruhi Ibn al-Jawzī untuk menolak dakwaan *mansūkh* terhadap sesuatu ayat al-Qurʾān. Ini kerana intipati *naskh* adalah hukum yang terdapat dalam ayat-ayat yang tertentu.

Di bawah ini akan dinyatakan beberapa contoh *Ikhtilāf* Mazhab yang digunakan oleh Ibn al-Jawzī dalam perbincangan tersebut. Antaranya ialah:

- 1) Ibn al-Jawzī mengemukakan pendapat Imam-Imam mazhab ketika menghuraikan ayat 158 surah al-Baqarah yang berkaitan dengan amalan *sa'i*. Menurut Mālik, al-Syafʿī dan Aḥmad, amalan *sa'i* adalah rukun haji dan

menurut Abū Ḥanīfah dan sahabatnya amalan *sa'i* adalah wajib dan sah haji jika ditinggalkan serta dikenakan *dam*. Hukum dalam ayat tersebut adalah kekal dan perbuatan *sa'i* perlu dilakukan oleh orang yang menunaikan haji.³³⁹

2) Semasa menentukan ayat 33 surah al-Nisā' sama ada *mansūkh* atau *muḥkam*, Ibn al-Jawzī menyebut bahawa pendapat Jumhur Ulama' di antaranya ialah al-Thawri,³⁴⁰ al-Awza'i,³⁴¹ Mālik, al-Syaf'i dan Aḥmad bin Ḥanbal bahawa ia adalah *mansūkh*. Menurut Abū Ḥanīfah, hukum tersebut tidak *mansūkh* tetapi orang yang mempunyai pertalian saudara adalah lebih utama untuk mendapatkan harta pusaka daripada orang yang mempunyai perjanjian. Dengan ketiadaan saudara mara barulah mereka akan mendapat hak pewarisan dan mereka lebih utama daripada Baitul Mal.³⁴² Jika melihat kepada metod Ibn al-Jawzī, ayat ini lebih cenderung kepada *muḥkam* kerana apa yang berlaku hanyalah perbezaan di antara ayat yang umum dan khusus sahaja.

3) Ibn al-Jawzī menerangkan tentang khilaf ulama' berkaitan dengan masalah seseorang yang dikenakan *fidyah* dalam ayat 92 surah al-Nisā'. Jumhur Ulama' termasuk Ibn 'Abbās, Qatādah, al-Zuhri, Abū Ḥanīfah, al-Syaf'i dan mazhab Hambali menetapkan bahawa *fidyah* itu dikenakan ke atas pembunuhan yang

³³⁹ Ibn al-Jawzī (t.t.), *op. cit.* m. 55. Lihat Wahbah al-Zuhaylī (1997), *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, c. 4, Beirut: Dār al-Fikr, j.3, m. 2228.

³⁴⁰ Beliau ialah Abū 'Abd Allāh Sufyān bin Sa'īd Masrūq al-Thawri dan diiktiraf sebagai *Amīr al-Mu'minīn* dalam bidang hadis. Antara ulama' hadis yang meriwayatkan daripada beliau ialah Ibn al-Mubārak dan Yahyā bin al-Qaṭṭān. Beliau lahir pada tahun 97 H dan meninggal dunia pada tahun 161 H. Lihat al-Dawūdī (1972), *op. cit.* j. 1, m. 186-188.

³⁴¹ Beliau ialah Abū 'Amrū 'Abd al-Rahmān bin 'Amrū bin Muḥammad al-Awza'i. Beliau meriwayatkan daripada 'Āṭā dan al-Zuhri. Manakala Ibn al-Mubārak turut meriwayatkan daripada beliau. Beliau lahir pada tahun 88 H dan meninggal dunia pada 153 H. Lihat al-Dhahabi (1956), *op. cit.* j. 1, m. 178-182.

³⁴² Ibn al-Jawzī (t.t.), *op. cit.* m. . Lihat juga Ibn al-Jawzī (2002), *op. cit.* j. 2, m. 46.

silap dan dikenakan ke atas pesalah tersebut *diat*³⁴³ dan *kaffārah*³⁴⁴. Beliau mengemukakan pendapat ini sebagai satu sokongan terhadap pendapat beliau bahawa ayat tersebut adalah *muḥkam*.³⁴⁵

4) Ibn al-Jawzī menyebut *Ikhtilāf* Mazhab berkaitan dengan hukuman ke atas orang yang memerangai Allah dan Rasulullah serta melakukan kerosakan di muka bumi dengan melakukan pembunuhan yang terdapat dalam ayat 33 surah al-Māidah. Menurut mazhab Ahmad bin Hanbal, hukuman tersebut mestilah menurut turutan iaitu apabila mereka membunuh dan merompak atau membunuh tanpa merompak maka hukumannya adalah dibunuh dan disalib. Jika mereka merompak tanpa membunuh maka hukumannya adalah potong tangan dan kaki secara bersilang. Jika mereka tidak merompak maka hukumannya adalah buang negeri sahaja. Imam Mālik pula berpendapat bahawa seseorang hakim itu boleh membuat pilihan hukuman hudud yang ingin diimplimentasikan ke atas pesalah tersebut. Ayat tersebut adalah *muḥkam* menurut semua Ahli Fiqh.³⁴⁶

5) Berhubung dengan ayat 106 surah al-Māidah yang menentukan syarat dua orang saksi yang adil ketika berwasiat atau dua orang saksi dari golongan bukan Islam. Menurut Ahmad bin Hanbal, ayat ini adalah *muḥkam* dan hukumnya terus dipakai oleh umat Islam. Di sisi Abū Ḥanīfah, Mālik dan al-Syafi'i pula

³⁴³ *Diat* ialah harta yang wajib dibayar di atas kesalahan jenayah terhadap seseorang yang merdeka yang melibatkan nyawa atau anggota badan. Lihat 'Abd al-Karīm Zaydān (1998), *al-Qaṣāṣ wa al-Diyāṭ fī al-Syarī'at al-Islāmiyah*, Beirut: Muassasah al-Risālah, m. 181.

³⁴⁴ *Kaffārah* ialah sesuatu yang menutup dosa sehingga menjadi satu-satu perbuatan itu tidak meninggalkan kesan dosa lagi. Tujuan *kaffārah* ialah menghilangkan dosa maksiat dengan mereka dengan Allah seperti memerdekakan hamba, memberi makan orang miskin dan berpuasa beberapa hari. Lihat 'Abd al-Karīm Zaydān (1998), *op. cit.* m. 219.

³⁴⁵ Ibn al-Jawzī (t.t.), *op. cit.* m. 134. Lihat 'Abd al-Karīm Zaydān (1998), *op. cit.* m. 220-223.

³⁴⁶ Ibn al-Jawzī (t.t.), *op. cit.* m. 146. Lihat Ibn al-'Arabi (2001), *op. cit.* j. 2, m. 82-86.

menyatakan bahawa ayat hukum bersaksi dengan golongan selain orang Islam adalah *mansūkh* dengan arahan bersaksikan orang yang adil di kalangan umat Islam. Ibn al-Jawzī mendakwa bahawa pendapat yang pertama iaitu ayat tersebut *muḥkam* adalah lebih tepat kerana arahan untuk bersaksi selain daripada saksi yang adil adalah ketika darurat sebagaimana keadaan saksi wanita tanpa pembabitan lelaki dalam hal seperti haid dan nifas.³⁴⁷

Hubung kait yang amat erat di antara *naskh* dan hukum fiqh telah menyebabkan Ibn al-Jawzī tidak dapat lari dari menyebut khilaf ulama' terhadap beberapa ayat al-Qur'ān dan hukum yang berkaitan dengannya. Di sini jelas menggambarkan bahawa *Ikhtilāf* Mazhab boleh dikategori sebagai salah satu metod Ibn al-Jawzī untuk menolak dakwaan *mansūkh*.

Berdasarkan kajian yang telah dilakukan terhadap metodologi Ibn al-Jawzī untuk menolak dakwaan *naskh* terhadap satu-satu ayat al-Qur'ān, maka dapatlah disimpulkan bahawa beliau telah menggunakan beberapa metod yang mantap dalam hal ini. Metodologi beliau merangkumi tafsiran ayat sama ada *Tafsir al-Ma'thūr* atau *Tafsir al-Ray'* dan pendapat ulama'. Beliau juga menggunakan *Asbāb al-Nuzūl* serta *Ikhtilāf* Mazhab sebagai metod tambahan untuk menolak dakwaan *naskh* tersebut.

³⁴⁷ Ibn al-Jawzī (t.t.), *op. cit.* m. 152. Lihat Lihat Ibn al-'Arabī (2001), *op. cit.* j. 2, m. 206.

4.3. Rujukan Hadis.

Hadis sebagai sumber perundangan Islam telah dirujuk oleh Ibn al-Jawzī dengan metod yang betul menurut Pengajian Hadis. Hadis yang dinyatakan oleh beliau berperanan sebagai dalil untuk mengeluarkan pendapatnya dalam membahaskan sesuatu yang berkaitan dengan *naskh* atau ayat al-Qur'ān yang dikategorikan sebagai *mansūkh*.

Di bawah ini dinyatakan beberapa rujukan hadis yang digunakan oleh beliau dalam perbahasannya.

4.3.1. Ṣaḥīḥ al-Bukhārī.

Penyusun buku ini ialah Abū 'Abd Allāh Muḥammad bin Ismā'īl bin Ibrāhīm bin al-Mughīrah. Beliau lahir pada tahun 194 H dan mula mempelajari hadis ketika berusia 11 tahun. Bapanya telah meninggal dunia ketika beliau masih kecil dan tanggung jawab untuk memelihara beliau dipikul oleh ibunya. Dalam menuntut ilmu beliau telah mengembara ke beberapa tempat seperti Baghdad, Mekah, Basrah, Kufah, Syam, 'Asqalan dan Damsyik.³⁴⁸

Ibn al-Jawzī telah merujuk kepada hadis al-Bukhārī pada beberapa tempat antaranya:

³⁴⁸ al-Dhahabī (1956), *Tadhkirah al-Ḥuffāʾ*, Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī, j. 2. m. 555.

1) Beliau mengemukakan hadis yang berkaitan dengan hukuman rejam ke atas pesalah zina yang *muḥṣan*³⁴⁹ sebagaimana yang diriwayatkan oleh ‘Umar al-Khaṭṭāb:

إِنَّ اللَّهَ بَعَثَ مُحَمَّدًا بِالْحَقِّ وَأَنْزَلَ عَلَيْهِ الْكِتَابَ فَكَانَ مِمَّا أَنْزَلَ اللَّهُ آيَةَ الرَّجْمِ فَقَرَأَهَا وَعَقَلْنَاهَا وَوَعَيْنَاهَا، فَلَذَا رَجَمَ رَسُولُ اللَّهِ وَرَجَمْنَا بَعْدَهُ، فَأَخْشَى إِنْ طَالَ بِالنَّاسِ زَمَانٌ أَنْ يَقُولَ قَائِلٌ : وَاللَّهِ مَا نَحِدُ آيَةَ الرَّجْمِ فِي كِتَابِ اللَّهِ فَيَضِلُّوا بِثَرْكِ قَرِيبَةٍ أَنْزَلَ اللَّهُ ، وَالرَّجْمَ فِي كِتَابِ اللَّهِ حَقٌّ عَلَى مَنْ زَنَى، إِذَا أَحْصَيْنَ مِنَ الرِّجَالِ وَالنِّسَاءِ إِذَا قَامَتِ الْبَيِّنَةُ أَوْ كَانَ الْحَبْلُ أَوْ الْإِعْتِرَافُ³⁵⁰

Sesungguhnya Allah telah mengutuskan Muhammad dengan kebenaran dan menurunkan al-Kitab (al-Qur’ān), maka antara perkara yang diturunkan oleh Allah ialah ayat berkaitan dengan hukum rejam. Kami membaca, memahami dan menghafalnya. Dengan yang demikian, Rasulullah telah merejam (*muḥṣan* yang berzina) dan kami juga merejam mereka selepas zaman baginda. Aku khuatiri masa yang panjang berlalu bagi manusia lantas mereka akan berkata; “Demi Allah, kami tidak dapati ayat berkaitan dengan hukuman rejam di dalam al-Qur’ān”, maka mereka akan sesat dengan sebab meninggalkan kewajiban yang diturunkan oleh Allah. Hukuman rejam adalah suatu kebenaran dalam al-Qur’ān ke atas pesalah zina yang *muḥṣan* sama ada lelaki-lelaki dan wanita-wanita apabila tertegaknya bukti (saksi) atau mengandung atau dengan pengakuan.

2) Ibn al-Jawzī juga menyebut hadis *al-Bukhārī* yang berkaitan dengan *Bir Ma’ūnah* yang diriwayatkan oleh Anas bin Mālik yang bermaksud, sesungguhnya Rasulullah telah mengutus Ḥarām iaitu pakcik baginda bersama 70 orang Sahabat yang lain untuk berdakwah dan mengajarkan Islam tetapi mereka telah dibunuh dalam peristiwa *Bir Ma’ūnah*. Anas bin Mālik seterusnya

³⁴⁹ *Muḥṣan* ialah seseorang pezina sama ada lelaki atau perempuan yang telah berkahwin dan telah melakukan persetubuhan dengan pasangan mereka. Lihat Muḥammad Abū Zuhrah (1999), *al-‘Uqūbah*, Kaheerah: Dār al-Fikr al-‘Arabī, m. 76.

³⁵⁰ Ibn al-Jawzī (t.t.), *op. cit.* m.35. Muḥammad bin Ismā‘īl al-Bukhārī (2000), *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Kitāb al-Ḥudūd, Bāb Rajm al-Ḥubalā min al-Zinā idhā Aḥṣanat. No. hadith 6830.

berkata “*lantas diturunkan ke atas kami ayat yang kami baca dan kemudiannya mansūkh iaitu :*

أَنْ بَلَّغُوا قَوْمَنَا إِنَّا لَقَيْنَا رَبَّنَا فَرَضِيَ عَنَّا وَأَرْضَانَا³⁵¹

Apabila mereka telah sampai kepada kaum kami, kami berkata “*sesungguhnya kami bertemu dengan tuhan kami dan Dia reda dengan kami serta kami reda denganNya*”

Ibn al-Jawzī menyatakan bahawa hadis hanya diriwayatkan oleh al-Bukhārī sahaja.

3) Hadis al-Bukhārī juga dirujuk oleh Ibn al-Jawzī berkaitan dengan larang mencukur rambut bagi *muḥrim*.³⁵² Hadis berkenaan dengan Ka‘ab bin ‘Ujrah yang diserang oleh kutu di kepalanya sehingga bertaburan di mukanya. Lantas Rasulullah bertanya:

أَتَحِدُّ شَاةً ، فَقَالَ : لَا³⁵³

“*adakah kamu mempunyai seekor kambing?*”. Dijawab oleh beliau “*tidak*”.

Maka turunlah ayat 196 surah *al-Baqarah*.

Hadis-hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhārī dirujuk secara terus oleh Ibn al-Jawzī kerana beliau menyebut secara jelas tentang ambilannya itu.

³⁵¹ Ibn al-Jawzī (t.t.), *op. cit.* m.37. Al-Bukhārī (2000), *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Kitāb al-Maghāzī, Bāb Ghazwah al-Rajī‘i wa Ri‘il wa Dhakwān wa Bi‘r al-Ma‘ūnah wa Ḥadīth ‘Aḍl wa al-Qārat wa ‘Aṣim bin Thābit wa Khubayb wa Aṣḥābīh. No. hadith 4095.

³⁵² Orang yang sedang berihram haji dilarang melakukan beberapa perkara seperti maksiat, perbalahan sesama Islam, memakai pakaian yang berjahit, penutup kepala, memakai kasut bagi lelaki, melakukan pernikahan, perisetubuhan, memotong kuku, menanggalkan bulu dengan apa cara sekalipun, memakai wangian serta berburu. Lihat Sayyid Sābiq (1998), *Fiqh al-Sunnah*, Kaḥerah: al-Faṭḥ li al-A‘ālām al-‘Arabi, j.2, m. 228.

³⁵³ Ibn al-Jawzī (t.t.), *op. cit.* m.78. Al-Bukhārī (2000), *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Kitāb al-Muḥṣar , Bāb It‘ām fī al-Fidyah Niḥṣ Ṣā‘a, no. hadith 1816.

4.3.2. Ṣaḥīḥ Muslim.

Penyusun buku ini ialah Abū al-Ḥusayn Muslim bin al-Ḥajjāj al-Qusyayrī al-Naysābūrī. Beliau lahir pada tahun 204 H dan mula mempelajari hadis ketika berumur 14 tahun. Beliau meninggal dunia pada tahun 261 H.³⁵⁴

Ibn al-Jawzī telah merujuk kepada Ṣaḥīḥ Muslim di beberapa tempat untuk dijadikan hujah terhadap analisa beliau. Antara hadis tersebut ialah:

1) Semasa Ibn al-Jawzī menerangkan tentang syarat *mansūkh* yang menetapkan bahawa hukum yang *mansūkh* mestilah telah sabit sebelum hukum *nāsikh*. Beliau mengemukakan hadis seperti di bawah:

نَهَيْتُكُمْ عَنْ زِيَارَةِ الْقُبُورِ فَزُورُوهَا³⁵⁵

Aku melarang kamu dari menziarahi kubur, maka sekarang ziarahlah ke kubur.

2) Beliau juga merujuk kepada hadis Muslim semasa memberi contoh terhadap syarat-syarat yang diperselisihkan oleh ulama'. Hadis tersebut ialah:

إِذَا النِّقَى الْخِتَانُ بِالْخِتَانِ وَجَبَ غَسْلُ أَنْزَلٍ أَوْ لَمْ يُنْزَلْ³⁵⁶

Apabila bertemu kemaluan dengan kemaluan (bersetubuh) maka wajiblah mandi sama ada keluar air mani atau pun tidak.

³⁵⁴ Al-Dhahabī (1956), *op. cit.* j.2, m. 588.

³⁵⁵ Muslim bin al-Ḥajjāj (2000), Ṣaḥīḥ Muslim. Kitāb al-Janā'iz, Bāb Isti'dhān al-Nabī Rabbuh Azza wa Jalla fī Ziyārah Qabr Ummih, no. hadith 977.

³⁵⁶ Ibn al-Jawzī (t.t.), *op. cit.* m.27. Muslim bin al-Ḥajjāj (2000), Ṣaḥīḥ Muslim. Kitāb al-Ṭahārah, Bāb Naskh al-Ma' min al-Ma' wa Wujub al-Ghāsl bi al-Tiqa' al-Khitānayn, no. hadith 348.

3) Terdapat sebuah hadis yang disebut oleh Ibn al-Jawzī dalam buku tersebut dengan ditulis istilah “*akhrajāhuh fi al-ṣaḥīḥayn*” yang menunjukkan bahawa beliau telah merujuk kedua-dua buku hadis tersebut iaitu *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* dan *Ṣaḥīḥ Muslim*. Hadis tersebut ialah:

إِنَّ اللَّهَ بَعَثَ مُحَمَّدًا بِالْحَقِّ وَأَنْزَلَ عَلَيْهِ الْكِتَابَ فَكَانَ مِمَّا أَنْزَلَ اللَّهُ آيَةَ الرَّجْمِ فَقَرَأْنَاهَا وَعَقَلْنَاهَا وَوَعَيْنَاهَا، فَلَمَّا رَجَمَ رَسُولُ اللَّهِ وَرَجَمْنَا بَعْدَهُ، فَأَخْشَى أَنْ طَالَ بِالنَّاسِ زَمَانٌ أَنْ يَقُولَ قَائِلٌ: وَاللَّهِ مَا تَجِدُ آيَةَ الرَّجْمِ فِي كِتَابِ اللَّهِ فَيُضِلُّوا بِثَرَكِ فَرِيضَةَ أَنْزَلَ اللَّهُ، وَالرَّجْمَ فِي كِتَابِ اللَّهِ حَقٌّ عَلَى مَنْ رَأَى، إِذَا أَحْصَيْنَ مِنَ الرِّجَالِ وَالنِّسَاءِ إِذَا قَامَتِ الْبَيِّنَةُ أَوْ كَانَ الْحَبْلُ أَوْ الْإِعْرَافُ³⁵⁷

Sesungguhnya Allah telah mengutuskan Muhammad dengan kebenaran dan menurunkan al-Kitab (al-Qur’ān), maka antara perkara yang diturunkan oleh Allah ialah ayat berkaitan dengan hukum rejam. Kami membaca, memahami dan menghafalnya. Dengan yang demikian, Rasulullah telah merejam (*muhsan* yang berzina) dan kami juga merejam mereka selepas zaman baginda. Aku khuatiri masa yang panjang berlalu bagi manusia lantas mereka akan berkata; “*Demi Allah, kami tidak dapati ayat berkaitan dengan hukuman rejam di dalam al-Qur’ān*”, maka mereka akan sesat dengan sebab meninggalkan kewajiban yang diturunkan oleh Allah. Hukuman rejam adalah suatu kebenaran dalam al-Qur’ān ke atas pesalah zina yang *muhsan* sama ada lelaki-lelaki dan wanita-wanita apabila tertegaknya bukti (saksi) atau mengandung atau dengan pengakuan.

4) Ibn al-Jawzī juga merujuk kepada hadis riwayat Imam Muslim semasa menerangkan tentang hukum pengharaman nikah akibat susuan. Beliau menerangkan khilaf ulama’ tentang jumlah susuan yang boleh mengharamkan perkara tersebut. Antaranya ialah sebanyak tiga kali dengan hujah hadis berikut:

³⁵⁷ Ibn al-Jawzī (t.t.), *op. cit.* m. 35. Muslim bin al-Ḥajjaj (2000), *Ṣaḥīḥ Muslim*. Kitāb al-Ḥudūd, Bāb Rajm al-Thayb fī al-Zīnā, no. hadith 1691.

لَا تُحَرِّمُ الْمَصَّةَ وَالْمَصَّتَانِ³⁵⁸

Tidak diharam (hubungan mahram) dengan sekali susuan dan dua kali susuan.

5) Beliau juga menyebut hadis yang berbunyi:

حَافِظٌ عَلَى الصَّلَوَاتِ وَالصَّلَاةِ الْوُسْطَى وَصَلَاةِ الْعَصْرِ وَقَوْمُوا لِلَّهِ

قَانِتِينَ³⁵⁹

Peliharalah sembahyang-sembahyang dan sembahyang Asar dan berdiri untuk yang demikian itu dengan cara yang patuh kepada Allah.

Ibn al-Jawzī telah merujuk beberapa hadis yang terdapat di dalam *Ṣaḥīḥ Muslim* untuk dijadikan sebagai sumber rujukan yang mempunyai autoriti. Rujukan ini meliputi hadis yang bertindak sebagai sumber hukum dan penerang kepada beberapa ayat al-Qur’ān.

4.3.3. Sunan al-Dārquṭnī.

Penyusun buku ini ialah Abū al-Ḥasan ‘Alī bin ‘Umar bin Aḥmad bin Maḥdī bin Mas‘ūd al-Dārquṭnī. Beliau diakui mempunyai keilmuan yang tinggi dalam pelbagai bidang seperti hadis, *qiraat* dan tatabahasa Arab. Beliau merupakan

³⁵⁸ Ibn al-Jawzī (t.t.), *op. cit.* m. 38. Muslim bin al-Hajjāj (2000), *Ṣaḥīḥ Muslim*. Kitāb al-Raḍā‘ah, Bāb fī al-Maṣṣah wa al-Maṣṣatān, no. ḥadīth 977.

³⁵⁹ Ibn al-Jawzī (t.t.), *op. cit.* m. 38. Muslim bin al-Hajjāj (2000), *Ṣaḥīḥ Muslim*. Kitāb al-Masājid, Bāb al-Dalīl li man Qāl al-Ṣolah al-Wastā Hiya Ṣolah al-‘Aṣr, no. ḥadīth 629.

seorang yang adil dan diiktiraf sebagai hāfiz. Beliau meninggal dunia pada tahun 385 H ketika berusia 77 tahun.³⁶⁰

Terdapat hanya satu sahaja hadis yang diriwayatkan oleh al-Dārquṭnī yang dirujuk oleh Ibn al-Jawzī di dalam bukunya. Beliau mengemukakan hadis yang diriwayatkan oleh Jābir bin ‘Abd Allāh bahawa Rasulullah bersabda:

كَلَامِي لَا يَنْسَخُ الْقُرْآنَ، يَنْسَخُ بَعْضُهُ بَعْضًا³⁶¹

Kata-kata ku tidak memansuhkan ayat al-Qur’ān tetapi sebahagian ayat al-Qur’ān memansuhkan sebahagiannya.

Sekalipun hanya satu hadis sahaja yang dirujuk oleh Ibn al-Jawzī dari *Sunan al-Dārquṭnī*, namun ia memberi satu impak yang besar kerana hadis ini dijadikan sebagai satu hujah bahawa hadis tidak boleh menjadi *nāsikh* kepada al-Qur’ān.

Hadis-hadis yang disebut oleh Ibn al-Jawzī dinyatakan sekali oleh beliau tentang sumber ambilannya. Ini membuktikan tentang ketelitian beliau dalam mengemukakan hadis sebagai dalil bagi kenyataan beliau. Ini juga akan memudah pembaca untuk berpegang dengan hadis-hadis tersebut sebagai satu dalil yang berautoriti.

³⁶⁰ Ibn Kathir (2001), *op. cit.* j.11, m. 340.

³⁶¹ Ibn al-Jawzī (t.t.), *op. cit.* m. 26. Lihat ‘Alī bin ‘Umar al-Dārquṭnī (1996), *Sunan al-Dārquṭnī*. Kitāb al-Nawādir, no. hadith 4233.

4.4. Penggunaan Istilah bagi Ayat *Mansūkh* dan *Muḥkam*

4.4.1. Ayat *Mansūkh*

Kajian terhadap *naskh* yang melibatkan ayat-ayat hukum membawa satu kepastian bahawa sesuatu ayat itu akan diterima sebagai *mansūkh* atau *muḥkam*. Bagi ulama' yang membicarakan perkara ini pada peringkat awal Islam, mereka lebih banyak mengutarakan tentang *mansūkhnya* sesuatu ayat. Sebaliknya bagi ulama' yang menganalisa perkara tersebut pada zaman yang terkemudian, mereka lebih fokus untuk menolak dakwaan-dakwaan tersebut.

Hasil dari analisa yang telah dilakukan oleh Ibn al-Jawzī,³⁶² beliau telah bersetuju dan menetapkan sebanyak 29 ayat al-Qur'ān adalah *mansūkh*.³⁶² Ayat yang dihukumkan sebagai *mansūkh* dalam buku Nawāsikh al-Qur'ān ini dapat dikesan melalui dua cara seperti berikut:

- Pertama: Beliau menyebut dengan jelas bahawa ayat tersebut adalah *mansūkh*.
- Kedua: Beliau tidak membuat komentar sebagai tanda persetujuan beliau terhadap pendapat Ulama' Tafsir tertentu bahawa ayat tersebut adalah *mansūkh*.

³⁶² Ayat-ayat tersebut ialah ayat 180, 184, 217, 219, dan 240 surah al-Baqarah, ayat 15, 16, 33, 43, 63, 81, 90 dan 91 surah al-Nisā', ayat 2 surah al-Māidah, ayat 68 surah al-An'ām, ayat 72 surah al-Anfāl, ayat 7 surah al-Tawbah, ayat 85 dan 94 surah al-Hijr, ayat 2 surah al-Nūr, ayat 55 surah al-Qasās, ayat 30 surah al-Sajadah, ayat 48 surah al-Ahzāb, ayat 83 surah al-Zuḥruf, ayat 4 surah Muḥammad, ayat 45 surah Qaf, ayat 12 surah al-Mujādalah serta ayat 2 dan 3 surah al-Muzammil.

Di bawah ini akan dikemukakan beberapa contoh ayat al-Qur'ān yang dihukum sebagai *mansūkh* oleh Ibn al-Jawzī:

1) Firman Allah:

وَعَلَى الَّذِينَ يُطِيقُونَهُ فِدْيَةٌ طَعَامُ مِسْكِينَ

... dan wajib ke atas orang-orang yang tidak terdaya berpuasa (kerana tua dan sakit) membayar fidyah iaitu memberi makan orang miskin...

Terjemahan Surah al-Baqarah (2): 184.

Menurut Ibn al-Jawzī, berdasarkan penjelasan yang telah dilakukan oleh beliau menunjukkan bahawa ayat tersebut yang memberi pilihan bagi seseorang untuk berbuka atau berpuasa adalah jelas ianya *mansūkh*.³⁶³

2) Begitu juga dengan firman Allah di bawah:

وَالَّذِينَ يَتَّقُونَ مِنكُمُ وَيَتَرُونَ أَزْوَاجًا وَصِيَّةً لِّأَزْوَاجِهِمْ مَّتَاعًا إِلَى
الْحَوْلِ غَيْرَ إِخْرَاجٍ

Dan orang-orang yang (hampir) mati di antara kamu serta meninggalkan isteri-isteri, hendaklah berwasiat untuk isteri-isteri mereka iaitu dari nafkah saguhati (makanan, pakaian dan tempat tinggal) hingga setahun lamanya dengan tidak disuruh pindah dari tempat tinggalnya...

Terjemahan Surah al-Baqarah (2): 240.

³⁶³ Ibn al-Jawzī (t.t.), *op. cit.* m. 80.

Ibn al-Jawzī menyebut tentang pandangan sekumpulan Ulama' Tafsir yang berpendapat bahawa ayat ini adalah *mansūkh* dengan perintah wasiat bagi perempuan yang kematian suami dari harta warisannya.³⁶⁴ Di sini beliau hanya mengemukakan sahaja pendapat ulama' tanpa membuat sebarang ulasan.

3) Seterusnya ayat di bawah:

فَاعْرِضْ عَنْهُمْ وَعَظِّمْهُمْ

... oleh itu berpalinglah engkau daripada mereka, dan nasihatilah mereka...

Terjemahan Surah al-Nisā'(4): 63.

Ibn al-Jawzī menyebut pandangan Ulama' Tafsir mengenai ayat ini yang membawa maksud bahawa orang-orang Islam mesti memberi peringatan kepada orang-orang kafir dan jika mereka enggan menerima peringatan tersebut maka berpalinglah daripada mereka. Perintah ini dilaksanakan sebelum kedatangan perintah memerangi mereka dan kemudiannya *mansūkh* dengan ayat *al-Sayf*.³⁶⁵ Ibn al-Jawzī tidak membuat sebarang ulasan sebagai persetujuan dengan pandangan ulama' tersebut.

³⁶⁴ Ibn al-Jawzī (t.t.), *op. cit.* m. 90.

³⁶⁵ Ibn al-Jawzī (t.t.), *op. cit.* m. 131.

4) Menurut Ibn al-Jawzī, ayat di bawah juga adalah *mansūkh*:

وَلَا تُطِيعُ الْكَافِرِينَ وَالْمُنَافِقِينَ وَدَعْ أَذَاهُمْ

Dan janganlah engkau menurut kehendak orang-orang kafir dan orang-orang munafik dan jangan hiraukan usikkan dan celaan mereka...

Terjemahan Surah al-Aḥzab (33): 48.

Ibn al-Jawzī mengemukakan pandangan Ulama' Tafsir yang menyebut bahawa maksud ayat tersebut ialah janganlah kamu membenarkan mereka melakukan sesuatu yang memudaratkan kamu dan bertawakallah kepada Allah dalam menghadapi keburukan yang dilakukan oleh mereka. Ayat ini adalah *mansūkh* dengan perintah yang terdapat dalam ayat *al-Sayf*.³⁶⁶ Ibn al-Jawzī tidak membuat sebarang ulasan terhadap pandangan ulama' tersebut.

5) Seterusnya firman Allah:

فَاصْفَحْ الصَّفْحَ الْجَمِيلَ

... biarkan lah (golongan kafir yang mendustakan engkau itu wahai Muhammad) serta layanlah mereka dengan cara yang elok.

Terjemahan Surah al-Hijr (15): 85.

Ibn al-Jawzī menyebut riwayat daripada Mujāhid, 'Ikramah dan Qatādah bahawa ayat tersebut adalah *mansūkh* dengan perintah memerangi orang-orang

³⁶⁶ Ibn al-Jawzī (t.t.), *op. cit.* m. 209.

kafir.³⁶⁷ Ibn al-Jawzī juga hanya menyebut riwayat tersebut tanpa membuat sebarang ulasan sebagai persetujuan dengan pandangan ulama' tersebut.

Ayat-ayat al-Qur'ān yang dikategorikan sebagai *mansūkh* oleh Ibn al-Jawzī hanya mewakili sebahagian kecil sahaja daripada keseluruhan ayat al-Qur'ān yang didakwa sebagai *mansūkh*. Metodologi beliau untuk mengketegorkan sesuatu ayat itu sebagai *mansūkh* adalah sama dengan metodologi yang digunakan untuk menolak dakwaan *mansūkh*. Apabila tiada ruang untuk menolak dakwaan tersebut barulah beliau memutuskan kebenaran dakwaan tersebut. Di samping itu beliau masih menunjukkan persetujuannya dengan pandangan para Sahabat dan *Ṭabi'īn* terhadap sesuatu ayat yang *mansūkh* jika sesuai dengan tafsiran dan kehendak ayat tersebut.

4.4.2. Ayat-ayat *Muḥkam*.

Daripada 244 ayat al-Qur'ān yang telah dikemukakan di dalam buku Nawāsikh al-Qur'ān sebanyak 211 ayat adalah bersifat *muḥkam*. Penolakan begitu banyak ayat al-Qur'ān yang didakwa sebagai *mansūkh* adalah didasari atas perinsip dan metodologi yang digunakan oleh Ibn al-Jawzī.

Setiap ayat yang ditolak oleh Ibn al-Jawzī sebagai *mansūkh* akan disusuli dengan keterangan untuk menjelaskan tafsiran dan maksud ayat tersebut. Ayat-

³⁶⁷ Ibn al-Jawzī (t.t.), *op. cit.* m. 184.

ayat yang *muḥkam* dapat dikesan melalui istilah yang digunakan oleh beliau dan juga klasifikasi ayat yang disebut sebagai *takhṣiṣ*, *istithnā'* dan *khābar*.

4.4.2.1. Istilah.

Di antara istilah yang digunakan oleh beliau untuk menunjukkan bahawa ayat tersebut bukan *mansūkh* ialah:

- 1) Ayat tersebut adalah *muḥkam* dan tidak ada satu ruang pun untuk *mansūkh*...³⁶⁸
- 2) Sebahagian orang yang tidak mempunyai ilmu dalam bidang *nāsikh* dan *mansūkh* mendakwa...³⁶⁹
- 3) Sesuatu yang sahih ialah ayat ini *muḥkam* dan bukan *mansūkh*.³⁷⁰
- 4) Pendapat pertama adalah lebih sahih.³⁷¹
- 5) Pendapat yang mendakwa ayat ini adalah *mansūkh* adalah pendapat yang lemah.³⁷²

Istilah-istilah sedemikian yang kerap digunakan oleh Ibn al-Jawzī dapat memberi satu gambaran tentang tegasnya beliau dalam menentukan kedudukan sesuatu ayat al-Qur'ān sama ada *mansūkh* atau *muḥkam*.

³⁶⁸ Ibn al-Jawzī (t.t.), *op. cit.* m. 68.

³⁶⁹ Ibn al-Jawzī (t.t.), *op. cit.* m. 73.

³⁷⁰ Ibn al-Jawzī (t.t.), *op. cit.* m. 76.

³⁷¹ Ibn al-Jawzī (t.t.), *op. cit.* m. 103.

³⁷² Ibn al-Jawzī (t.t.), *op. cit.* m. 106.

4.4.2.2. *Takhṣīṣ* dan *Istithnā'*

Ayat-ayat al-Qur'ān yang *muḥkam* juga meliputi ayat-ayat yang dikategorikan oleh Ibn al-Jawzī beliau sebagai *takhṣīṣ* atau *istithnā'*. Di bawah ini dikemukakan beberapa contoh yang menunjukkan perkara tersebut:

1) Ibn al-Jawzī menyebut bahawa dakwaan tentang ayat 173 surah al-Baqarah adalah *mansūkh* dengan kedatangan ayat 174 surah yang sama adalah pendapat yang batil kerana Allah mengecualikan pengharaman tersebut ketika darurat. Oleh itu tidak ada *naskh* di sini dan ayat ini merupakan *istithnā'* terhadap ayat yang sebelumnya.³⁷³

2) Berkaitan dengan ayat 221 surah al-Baqarah yang didakwa sebagai *mansūkh*, Ibn al-Jawzī berpendapat bahawa ayat al-Qur'ān tersebut yang melarang orang-orang Islam menikahi orang-orang Musyrikin adalah dalam bentuk lafaz yang umum. Ayat tersebut dikhususkan oleh ayat 5 surah al-Māidah. *Takhṣīṣ* tidak boleh sama sekali menjadi *naskh*.³⁷⁴

3) Semasa menetapkan ayat 228 surah al-Baqarah adalah *muḥkam* sekalipun didakwa ia dimansuhkan oleh ayat 4 surah al-Ṭalāq, Ibn al-Jawzī berhujah bahawa kedua-dua ayat tersebut adalah *muḥkam* kerana ayat yang pertama adalah umum kepada semua perempuan yang ditalak. Ada pun tentang keadaan perempuan yang diceraikan dalam keadaan hamil, telah putus haid dan kanak-kanak yang belum baligh merupakan *takhṣīṣ* kepada semua perempuan yang

³⁷³ Ibn al-Jawzī (t.t.), *op. cit.* m. 56.

³⁷⁴ Ibn al-Jawzī (t.t.), *op. cit.* m. 85.

ditalak. Oleh itu *naskh* tidak boleh berlaku di antara ayat al-Qur'ān yang sifat umum dan khusus.³⁷⁵

4) Ibn al-Jawzī menetapkan bahawa ayat 145 surah al-Nisā' tentang kedudukan orang-orang Munafik yang berada di neraka yang paling bawah ketika di akhirat bukan *mansūkh* dengan penurunan ayat 146 surah yang sama. Ini jelas kelihatan kerana ayat seterusnya merupakan satu *istithnā'* iaitu pengecualian kepada orang-orang yang bertaubat terhadap ayat yang awal.³⁷⁶

5) Begitu juga dengan ayat 24 surah *al-Isrā'* yang berkaitan dengan mendoakan kedua ibubapa bukanlah *mansūkh* dengan kedatangan ayat 113 surah al-Tawbah yang melarang memohon keampunan untuk orang-orang Musyrikin. Ini kerana Ibn al-Jawzī bersetuju dengan pandangan ulama' fiqh kerana mereka berpendapat bahawa apa yang berlaku terhadap ayat tersebut hanyalah di antara umum dan khusus.³⁷⁷

Takhṣīṣ dan *istithnā'* mempunyai peranan yang cukup penting dalam menentukan sesuatu ayat itu *mansūkh* atau *muḥkam*. Ibn al-Jawzī dapat menggunakan pendekatan ini dengan baik untuk menolak dakwaan bahawa ayat-ayat tertentu adalah *mansūkh*. Pendekatan ini amat penting kerana banyak ayat al-Qur'ān yang bersifat sedemikian.

³⁷⁵ Ibn al-Jawzī (t.t.), *op. cit.* m. 87.

³⁷⁶ Ibn al-Jawzī (t.t.), *op. cit.* m. 139.

³⁷⁷ Ibn al-Jawzī (t.t.), *op. cit.* m. 191.

4.4.2.3. *Khabar*.

Ibn al-Jawzī turut mengklasifikasikan beberapa ayat al-Qurʿān sebagai *khabar* setelah beliau menafsirkan ayat tersebut. Di bawah ini akan dikemukakan beberapa contoh ayat yang diketogori dalam *khabar* meliputi:

1) Ibn al-Jawzī menolak dakwaan bahawa ayat 62 surah al-Baqarah yang menerangkan tentang kedudukan orang-orang yang beriman, Yahudi, Nasrani, al-Sabiʿin akan mendapat ganjaran jika mereka melakukan amal kebajikan adalah *mansūkh* oleh ayat 85 surah Āl ʿImrān. Menurut beliau, ayat tersebut adalah *khabar* dan *khabar* tidak boleh menerima *naskh*.³⁷⁸

2) Berkaitan dengan ayat 111 surah Āl ʿImrān yang diganggap sebagai *mansūkh* dengan kedatangan ayat 29 surah al-Tawbah, Ayat tersebut menerangkan tentang kesan peperangan dengan orang-orang kafir. Ibn al-Jawzī tidak bersetuju dengan anggapan tersebut. Beliau menegaskan bahawa ayat tersebut adalah *khabar* dan ia tidak boleh dikategorikan sebagai *mansūkh*.³⁷⁹

3) Beliau juga mengklasifikasikan ayat 33 surah al-Anfāl yang menerangkan tentang perkara-perkara yang dihalaikan oleh Allah sebagai *khabar* sekalipun terdapat pandangan ulama' yang menganggap ia *mansūkh* dengan kedatangan ayat 34 surah yang sama. Ayat 34 surah tersebut menjelaskan tentang perkara-perkara yang diharamkan oleh Allah. Ibn al-Jawzī menolak dakwaan tersebut

³⁷⁸ Ibn al-Jawzī (t.t.), *op. cit.* m. 43.

³⁷⁹ Ibn al-Jawzī (t.t.), *op. cit.* m. 110.

dengan menyebut bahawa ayat tersebut adalah *khavar* dan tidak boleh menerima *naskh*.³⁸⁰

4) Pandangan yang mengatakan bahawa ayat *al-Sayf* merupakan *nāsikh* kepada ayat 89 surah al-Hijr juga ditolak oleh Ibn al-Jawzī. Beliau berpendapat bahawa dakwaan ini sebagai satu khayalan yang rosak kerana ayat tersebut adalah *khavar* kerana ia memakumkan bahawa Rasulullah adalah seorang utusan yang memberi peringatan terhadap manusia.³⁸¹

5) Ayat 50 surah al- ‘Ankabūt yang menerangkan tentang peranan Rasulullah didakwa sebagai *mansūkh* oleh ayat *al-Sayf* juga tidak diterima oleh Ibn al-Jawzī. Beliau menolak dakwaan tersebut kerana ayat tersebut adalah *khavar* dan ia tidak menerima *naskh*.³⁸²

Dalam mengketegorkan sesuatu ayat itu sebagai *muḥkam*, Ibn al-Jawzī telah menggunakan istilah *khavar* dengan meluas sebagai satu klasifikasi bahawa ayat tersebut bukan *mansūkh*.

Pemahaman tentang penggunaan istilah yang tepat bagi sesuatu ayat al-Qur’ān amat diperlukan bagi memastikan hukum yang ditetapkan sama ada ia *mansūkh* atau *muḥkam* dapat dibuat dengan pasti. Di sini Ibn al-Jawzī telah menggunakan pendekatan istilah ini dengan berkesan untuk menentukan kedudukan sebenar sesuatu ayat itu. Sekali pun pada zahirnya terdapat pertentangan di antara satu-

³⁸⁰ Ibn al-Jawzī (t.t.), *op. cit.* m. 166.

³⁸¹ Ibn al-Jawzī (t.t.), *op. cit.* m. 185.

³⁸² Ibn al-Jawzī (t.t.), *op. cit.* m. 207.

satu ayat al-Qur'an, namun kehendak ayat tersebut perlu diperhalusi agar peranan ayat tersebut dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin.

4.4.3. Ayat-ayat yang boleh menjadi *Mansūkh* atau *Muḥkam*.

Berdasarkan metodologi yang dikemukakan oleh Ibn al-Jawzi, beliau telah meletak sebanyak 4 ayat al-Qur'ān yang boleh dikategorikan sebagai boleh menjadi *mansūkh* atau *muḥkam*. Penentuan samada ayat tersebut *mansūkh* atau sebagainya adalah bergantung kepada tafsiran yang diterima terhadap sesuatu ayat tersebut.

Di bawah ini akan dikemukakan ayat-ayat tersebut meliputi:

1) Firman Allah yang merangkumi ayat 112 dan 137 surah al-An'ām:

فَذَرَّهُمْ وَمَا يَفْتَرُونَ

...biarkan mereka dan apa-apa yang mereka adakan (dari perbuatan yang kufur dan dusta) itu.

Terjemahan Surah al-An'ām (6): 112.

فَذَرَّهُمْ وَمَا يَفْتَرُونَ

...biarkan mereka dan apa-apa yang mereka adakan (dari perbuatan yang kufur dan dusta) itu.

Terjemahan Surah al-An'ām (6): 137.

Menurut Ibn al-Jawzī, jika ayat tersebut ditafsirkan sebagai satu peringatan Allah maka ia adalah *muḥkam*. Sebaliknya jika ayat tersebut ditafsirkan sebagai satu perintah kepada orang-orang Islam agar tidak memerangai orang-orang kafir maka ia adalah *mansūkh* dengan ayat *al-Sayf*.³⁸³

2) Firman Allah dalam Surah al-An‘ām :

وَأَتُوا حَقَّهُ يَوْمَ حَصَادِهِ ط

...dan keluarkanlah haknya (zakatnya) pada hari memetikinya dan menuainya...

Terjemahan Surah al-An‘ām (6): 141.

Ibn al-Jawzī menjelaskan bahawa, jika ayat tersebut ditafsirkan sebagai satu perintah yang wajib maka ia adalah *mansūkh* dengan perintah kewajipan zakat. Sebaliknya jika ia ditafsirkan sebagai perintah yang hanya membawa kepada galakan sahaja maka hukumnya adalah kekal.³⁸⁴

3) Seterusnya Firman Allah :

❖ وَإِنْ جَنَحُوا لِلسَّلَامِ فَاجْنَحْ لَهَا

Dan jika mereka (pihak musuh) cenderung kepada perdamaian, maka engkau hendaklah cenderung kepadanya...

Terjemahan Surah al-Anfāl (8): 61.

³⁸³ Ibn al-Jawzī (t.t.), *op. cit.* m. 156-157.

³⁸⁴ Ibn al-Jawzī (t.t.), *op. cit.* m. 159.

Ibn al-Jawzī berpendapat bahawa jika ayat tersebut dikatakan turun sebagai satu ketetapan agar tidak memerangai Ahli Kitab apabila mereka membayar *jizyah*³⁸⁵ dan cukup syarat sebagai *dhimmah*,³⁸⁶ maka ia adalah *muḥkam*. Namun jika ayat tersebut turun sebagai satu ketetapan agar membiarkan mereka tanpa perlu membayar *jizyah*, maka ia adalah *mansūkh* dengan ayat *jizyah* iaitu ayat 29 surah al-Tawbah.³⁸⁷

Berdasarkan dari contoh-contoh yang telah dikemukakan di atas, dapat memberi satu gambaran kepada kita bahawa masih terdapat ayat al-Qurʾān yang tidak dapat diputuskan dengan pasti sama ada ia adalah *mansūkh* atau *muḥkam*. Di sini lah peranan tafsir sebagai alat untuk memberi kefahaman dan menerangkan maksud sesuatu ayat al-Qurʾān amat diperlukan kerana penentuan maksud ayat tersebut mempengaruhi hukum yang terdapat di dalamnya.

4.5. Kesimpulan

Di dalam buku Nawāsikh al-Qurʾān, Ibn al-Jawzī telah mengemukakan sebanyak 244 ayat al-Qurʾān yang dinyatakan oleh sebahagian Ulamaʾ Tafsir sebagai *mansūkh*. Berdasarkan analisa yang telah dilakukan menurut metodologi yang diasaskan oleh beliau, hanya sebilangan kecil sahaja daripada ayat-ayat tersebut boleh disenaraikan sebagai *mansūkh*. Metod yang digunakan

³⁸⁵ *Jizyah* ialah sesuatu yang diambil daripada golongan *dhimmah* sebagai satu tebusan kerana mereka tidak dibunuh. Lihat Wahbah al-Zuhayli (1997), *op. cit.* j. 8, m. 5879.

³⁸⁶ *Dhimmah* ialah satu ketetapan untuk membenarkan permautautinan orang-orang kafir di negara Islam serta memelihara dan mempertahankan mereka dan ancaman apabila mereka membayar *jizyah*. Lihat *Ibid*.

³⁸⁷ Ibn al-Jawzī (t.t.), *op. cit.* m. 167.

oleh beliau ialah dengan mengemukakan satu-satu ayat al-Qur'ān yang *mansūkh* melalui riwayat yang diterima oleh beliau daripada guru-gurunya dan juga riwayat Ahmad bin Hanbal. Selain daripada itu pendapat-pendapat Ulama' Tafsir juga diambil daripada buku-buku mereka juga disebut oleh beliau.

Untuk menolak dakwaan sesuatu ayat itu *mansūkh*, beliau banyak menggunakan tafsiran beliau sendiri di samping *Tafsir al-Ma'thūr* dan pandangan-pandangan ulama' sebagai sokongan terhadap ketetapan beliau. Di sini dapat dilihat peranan tafsir dalam menentukan sesuatu ayat itu *mansūkh* atau *muḥkam* kerana maksud ayat mempengaruhi hukum yang terdapat di dalamnya. Beberapa instrumen lain juga digunakan oleh beliau seperti *Asbāb al-Nuzūl* dan *Ikhtilaf Mazhab* terhadap sesuatu hukum bagi satu-satu ayat.

Ibn al-Jawzī juga menggunakan istilah-istilah yang mempunyai persamaan dengan *naskh* dengan begitu baik untuk menolak dakwaan *mansūkh*. Kefahaman terhadap ayat dan penggunaan yang betul bagi istilah-istilah tersebut telah melahirkan satu keputusan yang mantap dan boleh dipercayai oleh pembaca.